

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar dijangka berkembang pada kadar yang lebih mampan iaitu 8.2% dalam tahun 1996 (1995: 9.5%), mencerminkan kesan dari permintaan luar dan dalam negeri yang agak perlahan. Pendorong utama pertumbuhan KDNK adalah dari sektor perkilangan. Pengeluaran perkilangan kelihatan kekal pada kadar lebih sederhana iaitu pada dua angka pertumbuhan akibat dari perkembangan keupayaan dan juga pertumbuhan permintaan yang sederhana. Kadar pertumbuhan dalam keluaran pertanian dijangka meningkat sedikit daripada tahun 1995, berikutan pengeluaran minyak kelapa sawit yang tinggi walaupun pengeluaran getah dan kayu gergaji dijangka lebih rendah. Bagi sektor perlombongan, pertumbuhan pengeluaran dijangka menurun kesan dari pengeluaran minyak mentah yang kekal dan penurunan sedikit pengeluaran timah yang mana keadaan ini telah lebih dari mengimbangi pengeluaran gas asli yang tinggi. Selepas mencapai tahap pertumbuhan yang tinggi dalam tahun 1995, sektor pembinaan dijangka berkembang pada kadar lebih sederhana dalam tahun 1996, kesan dari pertumbuhan yang lebih rendah bagi pelaburan sektor awam dan sektor swasta dalam projek-projek pembinaan. Sektor perkhidmatan dijangka berkembang melebihi paras purata pertumbuhan ekonomi dengan nilai ditambah dari sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, serta kewangan dan kemudahan dijangka berkembang pada kadar dua angka.

Nilai ditambah dalam **sektor perkilangan** dijangka meningkat walaupun pada kadar yang lebih rendah, sebanyak 12.8% dalam tahun 1996 (1995: 14.5%). Pertumbuhan sederhana dalam keluaran perkilangan disebabkan pertumbuhan industri berasaskan eksport yang lebih perlahan, terutamanya elektronik selaras dengan arah aliran

global. Keluaran industri berasaskan permintaan dalam negeri, walau bagaimanapun, dijangka kekal kukuh dengan kimia dan keluaran kimia, galian bukan logam dan keluaran kaca dan kelengkapan pengangkutan dijangka menghasilkan pertumbuhan keluaran yang tinggi. Memandangkan sektor perkilangan dijangka terus mengatasi prestasi sektor-sektor yang lain, sumbangannya kepada KDNK sebenar dijangka meningkat daripada 33.1% dalam tahun 1995 kepada 34.5% dalam tahun 1996 sementara sumbangan kepada pertumbuhan KDNK dianggarkan pada kadar 51.6% seperti di tunjukkan dalam Jadual 4.1.

Sektor pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana iaitu 9% dalam tahun 1996, selepas merekodkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 17.3% dalam tahun 1995. Pertumbuhan yang perlahan ini sebahagiannya ujud ekoran dari mula pembinaan yang rendah bagi projek-projek sektor awam oleh kerana projek-projek yang baru diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh hanya akan mula dilaksanakan selepas tahun 1996. Di samping itu pembinaan unit-unit kediaman kos tinggi dan unit-unit perniagaan dijangka akan mengalami kesan dari langkah-langkah mengetatkan polisi fiskal dan kewangan yang diperkenalkan dalam bulan Oktober 1995 untuk mengatasi inflasi aset dan spekulasi yang tinggi dalam sektor hartanah. Bagaimanapun, pembinaan yang dimulakan untuk rumah-rumah kos rendah dan sederhana dijangka terus kukuh. Keadaan ini, disertai pelaksanaan projek infrastruktur akan menghasilkan pertumbuhan sektor pembinaan yang sederhana dalam tahun 1996. Dengan pertumbuhan ini, sumbangan sektor pembinaan diramalkan kekal pada paras yang sama dalam tahun 1995 iaitu pada kadar 4.5% kepada KDNK.

Jadual 4.1
KDNK: Prestasi Mengikut Sektor
(%)

	1995			1996 ^a		
	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan kepada KDNK	Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan kepada KDNK	Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan ¹	1.1	13.5	1.8	1.6	12.7	2.6
Perlombongan	9.0	7.5	7.1	3.1	7.1	2.8
(Bagi Petroleum)	6.9	6.0	4.5	0.1	5.6	0.1
Perkilangan	14.5	33.1	48.5	12.8	34.5	51.6
Pembinaan	17.3	4.5	7.7	9.0	4.5	4.9
Perkhidmatan	9.4	44.3	44.2	8.9	44.6	48.2
Tolak Bayaran Perkhidmatan yang dikenakan	15.2	7.1	10.8	14.0	7.4	12.0
Campur Cukai Import	3.3	4.2	1.6	3.6	4.1	1.9
GDP	9.5	100.0	100.0	8.2	100.0	100.0

¹ Termasuk ternakan dan hotikultur
^a Anggaran

Keluaran **sektor pertanian** dalam tahun 1996 dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi iaitu 1.6% (1995: 1.1%). Pertumbuhan keluaran minyak kelapa sawit dijangka menjadi lebih sederhana pada kadar 2.9% (1995: 8.2%) sementara keluaran getah dijangka menurun sebanyak 1.7% (1995: -1.1%). Walaupun keluaran komoditi utama seperti kayu gergaji dan koko diramalkan terus menurun, kadar penurunan dijangka lebih perlahan. Dengan pertumbuhan yang terus muram, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK diramalkan menurun kepada 12.7% dalam tahun 1996 (1995: 13.5%).

Dari pertumbuhan keluaran gas asli yang meningkat 22.4%, **sektor perlombongan** dalam tahun 1996 berkembang 3.1% (1995: 9%). Untuk memenuhi keperluan Dasar Susutan Negara bagi melanjutkan tempoh risab minyak, keluaran minyak

mentah dalam tahun 1996 dikekalkan pada tahap pengeluaran dalam tahun 1995. Keluaran timah, bagaimanapun, terus menurun dengan kejatuhan pada kadar 1.6%. Seterusnya, sumbangan sektor ini kepada KDNK menurun kepada 7.1% (1995: 7.5%).

Nilai ditambah yang dihasilkan oleh **sektor perkhidmatan** dijangkakan berkembang pada kadar 8.9% dalam tahun 1996 (1995: 9.4%). Pertumbuhan yang tinggi melebihi paras purata pertumbuhan ekonomi mencerminkan kesan pelaburan semasa untuk memodenkan dan mempercepatkan keupayaan sektor perkhidmatan serta permintaan perkhidmatan yang tinggi didorong oleh pendapatan bolehguna yang tinggi dan peningkatan taraf hidup. Sektor kecil pengangkutan, penyimpanan, dan perhubungan; dan sektor kecil elektrik, gas dan air dijangka

mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka, dipengaruhi oleh program pertumbuhan dan pemodenan semasa, termasuk pengeluaran dari Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) dan juga pertambahan kemewahan. Sektor kecil kewangan, insurans, hartanah (termasuk kediaman-kediaman yang didiami oleh pemilik) dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang kukuh selaras dengan perkembangan kredit oleh sistem bank, kutipan premium insurans nyawa dan insurans am yang besar, dan liberalisasi peraturan pasaran modal dan kewangan. Jumlah jualan perniagaan-perniagaan tertentu yang meningkat termasuk sektor hartanah, disertai dengan pertambahan kemasukan pelancong yang berterusan dan pelawat perniagaan diramalkan mendorong pertumbuhan sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran pada kadar 9.5% dalam tahun 1996. Dengan pertumbuhan KDNK pada kadar yang dijangkakan melebihi kadar purata pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1996, sumbangan kepada KDNK dijangka meningkat kepada 44.6% (1995: 44.3%).


Sektor Perkilangan

Tinjauan Keseluruhan

Sektor perkilangan terus menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan KDNK dalam tahun 1996, walaupun pertumbuhan keluaran sektor ini dijangka kurang rancak berbanding dengan tahun 1995 disebabkan oleh permintaan luar yang lemah. Nilai ditambah sektor perkilangan dijangka berkembang sebanyak 12.8% dalam tahun 1996 (1995: 14.5%). Secara keseluruhan industri perkilangan berorientasikan pasaran eksport dijangka mencatat pertumbuhan keluaran yang perlahan disebabkan oleh permintaan luar yang berkurangan bagi keluaran elektrik dan elektronik. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keluaran bagi industri berasaskan pasaran dalam negeri dijangka meningkat secara sederhana disokong oleh pembesaran kapasiti dan tempahan belian yang kukuh khususnya bagi kimia dan keluaran kimia serta industri keluaran bukan logam.

Industri berorientasikan pasaran eksport sebagai satu kumpulan mencatatkan pertumbuhan yang kurang rancak sebanyak 11.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 16.6%). Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan oleh pertumbuhan keluaran elektrik

Carta 4.1
Indeks Pengeluaran Perkilangan
(1988 = 100)



dan elektronik yang berkurang dengan ketara termasuk transistor, litar bersepadu, alat pandang dengar dan pendingin udara akibat daripada persaingan yang meningkat di pasaran antarabangsa dan stok yang besar di pasaran dunia, yang seterusnya menjejaskan tempahan belian. Walau bagaimanapun, kesemua sektor utama di dalam industri berorientasikan pasaran eksport mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan pertumbuhan keluaran tekstil dan keluaran berasaskan kayu dan getah meningkat dalam tempoh tersebut, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Dengan pembesaran kapasiti dan permintaan yang menggalakkan, pertumbuhan keluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri secara keseluruhannya meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, didahului oleh pengembangan keluaran yang kukuh bagi industri kimia dan keluaran kimia, galian bukan logam dan industri keluaran kaca. Walaupun pertumbuhan

keluaran logam asas dan kelengkapan pengangkutan berkurang secara sederhana, ianya masih pada kadar dua digit. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, industri berasaskan pasaran dalam negeri sebagai satu kumpulan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh iaitu 15.2% berbanding dengan pertumbuhan 12.8% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Dari segi sumbangan kepada jumlah pertumbuhan keluaran perkilangan, industri berasaskan pasaran dalam negeri menyumbangkan 49.7% dalam tempoh tersebut sementara sebanyak 50.3% lagi daripada industri berorientasikan pasaran eksport.

Keluaran bagi setiap pekerja atau produktiviti buruh dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 3.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 iaitu sama seperti pertumbuhan bagi tempoh yang sama tahun 1995. Sebaliknya peningkatan upah purata benar bagi setiap pekerja iaitu peningkatan upah purata nominal tanpa mengira perubahan pada harga jualan keluaran, meningkat sebanyak 7.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 akibat daripada keadaan pasaran buruh yang ketat. Dengan peningkatan kadar upah purata yang lebih cepat berbanding dengan peningkatan produktiviti buruh, kos buruh seunit benar iaitu kos buruh benar bagi setiap unit keluaran, meningkat sebanyak 3.2% dalam

masa tujuh bulan pertama tahun 1996, dengan itu mengubah arah aliran kos buruh seunit yang merosot sejak tahun 1993. Ini kerana kos buruh seunit benar sangat tinggi bagi industri elektrik, elektronik dan jentera ketika industri ini perlu mengurangkan pengeluarannya pada kadar sederhana dalam menghadapi permintaan luar negara yang berkurangan bagi keluaran elektrik dan elektronik. Selain daripada industri elektrik, elektronik dan jentera, industri utama lain yang mencatatkan kos buruh seunit yang tinggi dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1995 ialah industri kimia dan keluaran kimia, sementara kos buruh seunit bagi industri tekstil dan pakaian serta kelengkapan pengangkutan merosot seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Nilai jualan keluaran sektor perkilangan meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 14.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan 26.1% pada tempoh yang sama tahun 1995, mencerminkan pertumbuhan permintaan yang perlahan dan harga yang lemah. Namun demikian, jumlah upah bagi sektor perkilangan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 meningkat pada kadar yang lebih pantas daripada peningkatan hasil jualan iaitu sebanyak 18.4%. Oleh yang demikian, kos

Jadual 4.2

**Sektor Perkilangan:
Produktiviti Buruh, Upah Purata Benar dan Kos Buruh Seunit
Mengikut Industri**
(% perubahan tahunan bagi tempoh Januari-Julai 1996)

<i>Industri/Perkara</i>	<i>Produktiviti Buruh</i>	<i>Upah Purata Benar</i>	<i>Kos Buruh Seunit Benar</i>
Sektor Perkilangan	3.9	7.1	3.2
Keluaran Elektrik, Elektronik dan Jentera	1.2	8.3	7.1
Tekstil dan Pakaian	14.3	13.3	-1.0
Kimia dan Keluaran Kimia	6.9	20.3	13.4
Kelengkapan Pengangkutan	3.0	-6.03	-9.03

buruh seringgit jualan keluaran sektor perkilangan meningkat sebanyak 3.2% daripada 6.12 sen seringgit jualan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada kira-kira 6.31 sen seringgit jualan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Oleh kerana pertumbuhan hasil jualan berkurangan dengan ketara, industri elektrik, elektronik dan jentera mencatatkan peningkatan kos buruh seringgit jualan sebanyak 7% kepada 5.62 sen dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 daripada 5.25 sen dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sementara industri tekstil dan pakaian mencatatkan kemerosotan kos buruh seringgit jualan sebanyak 0.9% kepada 12.06 sen daripada 12.17 sen. Bagi industri kimia dan keluaran kimia, kos buruh seringgit jualan dalam tempoh tersebut meningkat 12.6% kepada kira-kira 7.47 sen daripada 6.63 sen disebabkan terutamanya oleh peningkatan jumlah upah yang lebih pantas daripada peningkatan nilai jualan. Bagi industri kelengkapan pengangkutan, kos buruh seringgit jualan merosot sebanyak 8.8% kepada 4.66 sen daripada 5.11 sen disebabkan peningkatan hasil jualan sebanyak 34.5% berbanding dengan peningkatan jumlah upah sebanyak 22.7%. Pertumbuhan pengeluaran yang lebih kukuh berpunca daripada pembesaran kapasiti yang disokong oleh permintaan yang kukuh serta harga jualan yang tinggi membolehkan industri kelengkapan pengangkutan mengurangkan nisbah kos buruh berbanding hasil jualan.

Walaupun sumbangan kos buruh kepada nilai jualan keluaran sektor perkilangan masih rendah secara relatif, iaitu kira-kira 6%, sektor perkilangan perlu membuat pengubahsuaian yang strategik bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh dalam proses pengilangan dan meningkatkan produktiviti buruh untuk memperkukuhkan kelebihan daya saingan bagi menguasai pasaran yang lebih luas di pasaran dunia. Ini meliputi peralihan kepada proses pengeluaran berteknologi intensif yang lebih efisien dan dalam masa yang sama, meningkatkan keupayaan teknologi dan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) di kalangan tenaga kerja. Beberapa faktor menyebabkan pengubahsuaian ini perlu dipercepatkan. Pertama, dengan keadaan pasaran buruh yang ketat pada masa kini, tekanan terhadap upah akan meningkat selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Keadaan ini akan meningkatkan kos buruh seunit dan akan menyebabkan industri berintensif buruh yang mengeluarkan barangan yang serupa di negara-negara yang mempunyai

lebih tenaga buruh, menjadi tidak berdaya saing dari segi kos. Kedua, pengambilan buruh asing bagi melonggarkan keadaan pasaran buruh ini tidak boleh lagi diteruskan memandangkan saiz tenaga kerja asing yang sedia ada adalah besar dan memberi tekanan terhadap kemudahan-kemudahan sosial serta menimbulkan masalah sosial. Ketiga, dengan meningkatnya kepergantungan persekitaran global yang menuju ke arah sistem perdagangan yang lebih terbuka dan mengalami kemajuan teknologi yang pantas, kegagalan untuk memperoleh teknologi terkini menyebabkan keluaran yang terdahulu tidak berdaya saing lagi. Oleh yang demikian, sektor perkilangan haruslah memperoleh kemajuan teknologi dan teknologi-teknologi baru, dan dalam masa yang sama, perlulah giat memajukan sumber

Jadual 4.3
Indeks Pengeluaran Perkilangan Malaysia
1988 = 100

	Wajaran 1995 1996		
	Januari-Julai % perubahan		
Makanan, minuman dan tembakau	11.35	5.7	6.1
Tekstil dan pakaian	4.20	8.1	9.7
Penapisan petroleum	1.23	27.3	11.0
Kimia dan keluaran Kimia	11.15	5.2	17.9
Keluaran getah	5.82	8.9	15.3
Kayu dan keluaran kayu (kecuali perabot)	3.65	2.1	15.9
Keluaran galian bukan logam	3.90	8.3	19.8
Keluaran logam bukan feram	1.76	17.7	16.2
Besi dan keluli	0.52	13.1	30.4
Keluaran logam yang direka	1.94	35.0	15.7
Keluaran elektrik dan elektronik serta jentera	11.91	23.8	10.4
Kelengkapan pengangkutan	2.17	26.6	20.5
JUMLAH	59.60	14.7	13.1

Sumber: Jabatan Perangkaan

manusianya supaya mampu menyerap dan menyesuaikan kepada teknologi dan proses pengeluaran baru. Dalam masa yang sama, sektor perkilangan mesti meningkatkan keupayaan P&P untuk merekacipta keluaran-keluaran dan proses, bagi meningkatkan rantai nilai proses perkilangan serta bagi menampilkan Malaysia di hadapan pesaing-pesaingnya di pasaran dunia.

Elektrik, Elektronik dan Jentera

Pengeluaran industri **elektrik, elektronik dan jentera** sebagai satu kumpulan berkembang sederhana sebanyak 10.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 23.8%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan tempahan belian yang lebih perlahan bagi keluaran elektronik, sistem pendengaran, televisyen dan radio. Walaupun pertumbuhan lebih perlahan, industri ini kekal sebagai sektor utama dalam industri perkilangan, menyumbang 47.8% kepada jumlah pengeluaran perkilangan, dengan keluaran separa pengalir dan komponen elektronik merangkumi 57.2% daripada jumlah nilai jualan.

Sektor kecil **separa pengalir dan komponen elektronik lain** mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan sebanyak 17.2% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 27.4%) oleh kerana pertumbuhan permintaan luar negara yang lebih perlahan bagi keluaran seperti *Dynamic Random Access Memory* disebabkan inventori global yang tinggi sejak 1995. Keadaan ini akibat daripada permintaan yang lemah daripada yang dijangka serta persaingan yang lebih hebat, timbul daripada perkembangan kapasiti pengeluaran di serata dunia. Keluaran elektronik yang mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang perlahan termasuk transistor dan litar bersepadu. Walau bagaimanapun, dengan prestasi eksport keluaran elektronik yang lebih baik bermula Julai 1996, pertumbuhan perlahan keluaran-keluaran ini mungkin dapat diatasi dalam lima bulan terakhir tahun 1996.

Prestasi pengeluaran industri **kabel dan dawai** terus lesu dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 dengan pertumbuhan sebanyak 3.4% berbanding dengan pertambahan 12.2% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pengeluaran kabel telefon dan telegrafi merosot 18% sementara pengeluaran dawai dan kabel tertebat menambah sedikit kepada 8%. Kemerosotan pengeluaran

kabel dan dawai, khususnya kabel telefon dan telegrafi disebabkan terutamanya kemerosotan tempahan daripada Telekom Malaysia Berhad (TMB) kerana tahap inventori yang tinggi bermula sejak separuh kedua tahun 1995. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pengeluaran mungkin akan stabil menjelang akhir tahun, apabila TMB kembali membuat tempahan biasa.

Begitu juga, pengeluaran televisyen meningkat pada kadar yang rendah iaitu 1.2% kepada 5.3 juta unit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 25.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Walau bagaimanapun pengeluaran set radio merosot sebanyak 20.7% kepada 17.3 juta set (Januari-Julai 1995: 21.8 juta unit) oleh kerana permintaan luar negara yang lembab akibat persaingan hebat daripada Republik Rakyat China.

Pengeluaran **jentera bukan elektrik** merosot sebanyak 4.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, selepas mencatatkan pertumbuhan 10.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995, akibat pengeluaran yang rendah bagi keluaran ekzos, pembersih udara dan pendingin udara. Walau bagaimanapun, pengeluaran mesin-mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan melonjak sebanyak 423% dibandingkan dengan kemerosotan 27.7% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995, terutamanya disebabkan pertambahan permintaan bagi automasi pejabat.

Prospek pertumbuhan industri elektrik dan elektronik dalam tempoh sederhana dijangka baik memandangkan permintaan global yang kukuh bagi keluaran elektrik dan elektronik perdagangan dan pengguna. Permintaan terhadap keluaran elektronik pengguna seperti komputer, televisyen dan perakam video akan terus didorong oleh pendapatan boleh guna dan taraf hidup yang meningkat, serta citarasa yang sentiasa berubah di kalangan pengguna dan jangkaan tinggi terhadap keluaran-keluaran yang lebih canggih. Dengan kemajuan pesat dalam bidang teknologi maklumat, permintaan global terhadap komputer dan keluaran yang berkaitan dijangka terus kukuh. Tambahan lagi, galakan oleh Kerajaan dalam pembangunan industri fabrikasi wafer merupakan petanda baik bagi sektor kecil elektrik dan elektronik. Penubuhan kilang fabrikasi wafer bukan sahaja akan meningkatkan rantai di dalam industri melalui pembangunan komponen dan bahagian persisan seperti kelengkapan hampa gas, kepersisan injap

Jadual 4.4

Pengeluaran Kelengkapan Elektrik Dan Elektronik Terpilih (Januari-Julai)

	1995	1996	% Perubahan tahunan
Separa pengalir (juta unit)	2,397	3,122	30.2
Transistor elektronik (juta unit)	4,984	5,409	8.5
Litar paduan (juta unit)	5,571	5,492	-1.4
Peti televisyen ('000 unit)	5,200	5,261	1.2
Radio ('000 unit)	21,786	17,287	-20.7
Pendingin udara bilik ('000 unit)	2,093	1,828	-12.7
Peti sejuk isi rumah ('000 unit)	167	146	-12.6
Dawai dan kabel bertebat (tan metrik)	49,624	53,546	7.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

dan menggalakkan aktiviti P&P, tetapi juga menghasilkan beberapa faedah lain termasuk pembangunan kemahiran dalam perkhidmatan persisan mekanik, elektro mekanik dan peralatan mekatronik seperti robotik. Ini, di samping pertambahan 212.4% cadangan pelaburan modal yang diluluskan oleh MIDA bagi industri elektronik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, akan terus mendorong pertumbuhan keluaran industri elektrik, elektronik dan jentera dalam tempoh sederhana.

Tekstil dan Pakaian

Industri **tekstil dan pakaian** terdiri daripada dua komponen utama iaitu tekstil asas yang meliputi aktiviti memintal serabut, menenun, mengait, mencelup, memutih, mengecap dan menyudahkan benang dan fabrik serta pengeluaran pakaian dan aksesori pakaian.

Pengeluaran sektor kecil **tekstil asas** dijangka akan mencatatkan pertumbuhan dua angka

sebanyak 12% pada tahun 1996 (1995: 11.6%). Pertumbuhan ini dijangka datang daripada pengeluaran serabut tiruan memandangkan pengeluaran serabut asli menghadapi masalah peningkatan kos bahan mentah khususnya kapas. Pengeluaran serabut asli Malaysia juga menghadapi persaingan hebat daripada pengeluar-pengeluar kos rendah seperti negeri China, India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Vietnam dan Kemboja. Beberapa negara ini seperti China, India, Pakistan dan Bangladesh mempunyai kelebihan untuk mengeluarkan serabut mentah di dalam negeri. Pengeluar-pengeluar domestik juga tidak mempunyai kemahiran serta kelengkapan untuk mengeluarkan kain berasaskan mutu, jenis dan kepelbagaian yang dikehendaki oleh pengeluar-pengeluar pakaian di dalam dan di luar negara.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, pengeluaran sektor kecil tekstil asas meningkat sebanyak 12.2% berbanding dengan peningkatan sebanyak 12.8% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pengeluaran daripada kilang tekstil tiruan yang telah meningkat dengan ketara sebanyak 43.3% berbanding dengan kenaikan sebanyak 21.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sebaliknya, pengeluaran kilang memintal dan menenun serabut asli merosot sebanyak 4.9% (Januari-Julai 1995: 4.3%), sementara pengeluaran mencelup, memutih, mengecap dan menyudahkan benang dan fabrik merosot sebanyak 9.2% selepas peningkatan ketara sebanyak 26.7% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga pengeluaran dari kilang mengait yang meliputi pengilangan fabrik yang dikait, pakaian luar dan jaket serta kemeja dan sarung tangan merosot dengan ketara sebanyak 29.2% dalam tempoh yang dikaji (Januari-Julai: -2.3%).

Pengeluaran **sektor kecil pakaian** yang telah merosot semenjak tahun 1994 meningkat sedikit sahaja pada kadar 2.2% (Januari-Julai 1995: -2.2%) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Prestasi sektor kecil ini kurang menggalakkan kerana permintaan yang lembab daripada pembeli tradisional di Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Kanada. Di samping itu, persaingan daripada pengeluar-pengeluar kos rendah pula semakin hebat ketika pengeluar-pengeluar Malaysia menghadapi tekanan kenaikan kos pengeluaran akibat kekurangan tenaga buruh di sektor perkilangan.

Sebagai anggota Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), Malaysia terikat oleh Perjanjian Tekstil dan Pakaian, dan perlu bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran dan peluang-peluang yang wujud berikutan liberalisasi perdagangan tekstil. Pelaksanaan Keistimewaan Tarif Berkesan yang Seragam (CEPT) di bawah ASEAN yang telah mengenalpasti tekstil sebagai salah satu keluaran di bawah trek lancar liberalisasi akan menambahkan persaingan bagi pengeluaran-pengeluar tekstil Malaysia. Oleh yang demikian, perkembangan lanjut industri tekstil dan pakaian domestik bergantung kepada kemampuan untuk bersaing dengan pengeluaran-pengeluar kos rendah dengan mengeluarkan barangan nilai ditambah yang lebih tinggi, mengurangkan kos dengan menggunakan teknologi pengeluaran dan proses yang lebih efisien dan juga dengan memperbaiki strategi pemasaran termasuk mempromosikan jenama-jenama Malaysia.

Kayu dan Keluaran Kayu

Prestasi industri **kayu dan keluaran kayu** tidak termasuk perabut, adalah lebih baik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Pengeluaran meningkat dengan ketara sebanyak 15.9% berbanding dengan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 2.1% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Prestasi yang lebih baik ini disebabkan peningkatan ketara pengeluaran keluaran kayu iaitu papan lapis, papan gentian keras dan papan serbuk. Pertumbuhan sektor ini dapat dikekalkan dengan permintaan luar negara yang bertambah baik dengan pertambahan permintaan dalam negeri yang meningkat pada kadar yang lebih perlahan selaras dengan pertumbuhan sektor pembinaan yang lebih sederhana.

Pengeluaran **kayu gergaji** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 merosot dengan ketara sebanyak 46% kepada 2.9 juta meter padu. Pengeluaran dari ketiga-tiga kawasan pengeluaran merosot dengan ketara. Di Semenanjung Malaysia ia merosot sebanyak 55%, Sabah 32% dan di Sarawak 35.6%. Kemerosotan pengeluaran kayu gergaji dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 sebahagian besarnya disebabkan oleh kekurangan kayu balak untuk diproses, selaras dengan peralihan negara ke arah pengurusan hutan berkekalan dan penekanan kepada pengeluaran keluaran kayu dengan nilai ditambah yang lebih

tinggi dalam kegiatan pemprosesan hiliran. Di samping itu, penutupan beberapa kilang papan kecil di Sarawak turut menjejaskan pengeluaran dalam tempoh tersebut.

Sektor kecil **papan lapis, papan gentian keras dan papan serbuk** mencatatkan peningkatan pengeluaran sebanyak 23.3% dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1995: 6%). Pengeluaran papan lapis meningkat sebanyak 28.7% sementara pengeluaran papan gentian keras dan papan serbuk sebagai satu kumpulan, meningkat tinggi sebanyak 147.5% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 18.6% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan menyeluruh pengeluaran sektor kecil ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang ketara bagi pengeluaran papan lapis berikutan permintaan yang kukuh dari negara-negara Jepun, Singapura dan lain-lain pasaran utama Asia serta kedudukan penawaran yang ketat dari negara-negara pengeluar lain.

Pengeluaran **perabut dan kelengkapan perabut** telah menjadi kegiatan hiliran utama dalam industri kayu dan keluaran kayu. Pengeluaran keluaran dengan nilai ditambah yang lebih tinggi seperti perabut kayu dan kelengkapannya telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini dapat dilihat daripada jumlah eksport perabut kayu yang dianggarkan mencapai RM2.1 bilion dalam tahun 1996. Peningkatan pengeluaran perabut kayu disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negara yang terus kukuh terutamanya dari negara-negara Jepun, AS dan UK. Di samping itu, permintaan dalam negara yang kukuh turut membantu prestasi industri ini.

Keluaran Berasaskan Getah

Dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, pengeluaran industri **keluaran berasaskan getah** berkembang dengan ketara sebanyak 15.3% berbanding dengan pertumbuhan 8.9% yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun 1995. Prestasi pengeluaran yang kukuh ini disebabkan perkembangan pengeluaran dalam hampir kesemua sektor kecil industri ini kecuali sektor kecil pengilangan semula getah dan memproses susu getah yang mencatatkan pertumbuhan sederhana.

Keluaran berasaskan susu getah yang merangkumi terutamanya sarung tangan getah, cathethers, kepingan getah dan tayar ialah penyumbang utama kepada peningkatan pengeluaran. Pengeluaran **sarung tangan getah** yang merupakan sebahagian besar daripada keluaran berasaskan susu getah melonjak sebanyak 28.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan 11.2% dalam tempoh yang sama tahun 1995, disebabkan permintaan yang terus kukuh dari negara-negara pengimpot utama, khususnya AS dan EU. Ini dapat dilihat daripada peningkatan eksport sarung tangan perubatan sebanyak 51.7% dalam tempoh kajian.

Selaras dengan perkembangan industri automobil nasional dan permintaan luar negara yang terus meningkat, aktiviti pengilangan **tayar dan tiub** terus bertambah dengan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 17% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Begitu juga pengeluaran **kasut getah** berbagai jenis bertambah baik dengan pertumbuhan 11.6% berbanding dengan -14.7% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti mengilang semula getah menjadi perlahan dengan pengilangan getah asap berbunga (RSS) dan getah mutu Malaysia (SMR) merosot, masing-masing sebanyak 3.5% dan 7.8%, terutamanya disebabkan harga yang rendah dan permintaan luar yang tidak menggalakkan. Bagi susu getah yang diproses, pengeluaran bagi tempoh Januari-Julai meningkat pada kadar yang kukuh sebanyak 15.3% berbanding dengan kemerosotan 8.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Sebagai mencerminkan perkembangan sederhana dalam penggunaan domestik dan permintaan luar negara, pengeluaran industri **makanan, minuman dan tembakau** sebagai satu kumpulan tumbuh pada kadar 6.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 5.7%). Pertumbuhan pengeluaran industri-industri ini disokong terutamanya oleh pertambahan ketara dalam pengeluaran industri minuman, sementara sektor kecil makanan dan tembakau secara perbandingannya mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah. Pengeluaran industri makanan meningkat 3.7% (Januari-Julai 1995: 6.5%), dengan hampir kesemua sektor kecil makanan mencatatkan pertumbuhan pengeluaran di antara 2.7% dan 30.7% kecuali industri keluaran tenusu yang mencatatkan

kemerosotan pengeluaran sebanyak 7.2% dan pengilangan minyak kelapa merosot 13.6% akibat kemerosotan bekalan untuk pemprosesan. Beberapa butiran dalam sektor kecil makanan yang mencatat pertumbuhan lebih baik ialah pengilangan koko, coklat dan manis-manisan sebanyak 12.1%, kilang gula dan penapisan 6.9% dan keluaran makanan lain 30.7%. Bagi **industri minuman**, pertumbuhan pengeluaran melonjak sebanyak 20.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 1%). Pengeluaran minuman ringan berkarbonat masih di hadapan dengan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 39.6% (Januari-Julai 1995: -18.3%) sementara minuman tanpa berkarbonat berkembang sebanyak 4.2% berbanding dengan 34.3% yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Industri keluaran **tembakau** mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih kukuh iaitu 9.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan 5.5% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995, didorong oleh peningkatan permintaan domestik dan luar negara.

Jadual 4.5
Kadar Pertumbuhan Sektor Kecil
Perkilangan Makanan Terpilih

	1995	1995	1996
		Januari-Julai	
Kilang beras	12.9	21.8	2.7
Keluaran tenusu	-3.5	3.4	-7.2
Kilang biskut	9.3	7.1	6.5
Ikan, krustasia dan makanan seumpamanya	-0.02	10.6	9.1
Kilang tepung	6.1	5.2	-3.5
Kilang gula dan penapis gula	5.0	5.4	6.9
Koko, coklat dan manis	1.9	1.6	12.1
Makanan binatang	9.3	8.1	6.5
Keluaran makanan lain	21.6	19.8	30.7
JUMLAH	4.7	6.5	3.7
Sumber: Jabatan Perangkaan			

Keluaran Petroleum dan Gas

Keluaran-keluaran petroleum utama yang dikeluarkan di dalam negara adalah minyak bahan api, minyak tanah, disel, gasolin, nafta, gas, petroleum cecair dan minyak jet. Pengeluaran keluaran petroleum dijangka akan meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 10% dalam tahun 1996 selepas mencatatkan satu peningkatan yang ketara sebanyak 18.5% dalam tahun 1995. Kesederhanaan dalam pengeluaran ini disebabkan had kapasiti penapisan serta pengeluaran minyak mentah yang tidak berubah. Terdapat lima buah kilang penapis minyak mentah dalam tempoh yang dikaji iaitu 'Shell Refining' di Port Dickson, Sarawak Shell di Lutong, Esso di Port Dickson dan PETRONAS di Kerteh dan Melaka. Selepas rancangan peningkatan kapasiti siap oleh Shell pada tahun 1993, PETRONAS pada tahun 1994 dan Esso pada tahun 1995, jumlah kapasiti penapisan semasa adalah 378,000 tong sehari (tsh). Sebanyak 100,000 tsh akan ditambah selepas Disember 1997 apabila 'sour crude train' di kilang penapisan PETRONAS di Melaka, siap dibina. Kecuali Shell Refining yang memproses minyak mentah yang diimport sebanyak hampir 30% daripada jumlah input, semua kilang penapis lain memproses minyak mentah tempatan.

Jadual 4.6

**Kapasiti Penapisan Domestik
bagi Minyak Mentah
(^a000 tong sehari)**

	1995	1996 ^a
Kapasiti berlesen	365.0	378.0
Pemprosesan sebenar	333.5	346.1
Minyak mentah tempatan	304.2	316.9
Minyak mentah import	29.3	29.2

^a Anggaran

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pengeluaran keluaran petroleum meningkat sederhana sebanyak 11% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 setelah meningkat sebanyak 22.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pengeluaran minyak bahan api meningkat dengan ketara sebanyak 32.7% sementara pengeluaran minyak tanah, disel dan minyak gas, gas petroleum cecair serta gasolin masing-masing meningkat sebanyak 11%, 6.4%, 13.1% dan 4%.

Bagi sektor kecil **gas**, pengeluaran gas asli dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 22.4% dalam tahun 1996 selepas satu peningkatan yang tinggi sebanyak 20.5% dalam tahun 1995. Ini adalah selaras dengan pertambahan permintaan di dalam negara untuk gas asli sebagai bahan api lain serta pertambahan permintaan gas asli cecair dari negara Jepun dan Korea dan juga untuk menggunakan rizab gas asli negara yang besar iaitu dianggarkan sebanyak 80.2 trilion kaki padu pada bulan Januari 1996. Penggunaan gas asli di Malaysia berkait rapat kepada Projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) yang diuruskan oleh PETRONAS. Melalui projek ini, gas dibekalkan kepada enam stesyen jana kuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB), empat Pengeluar Tenaga Persendirian dan beberapa industri di Telok Kalong dan Pasir Gudang serta untuk tujuan komersil dan perumahan di sepanjang saluran paip 712 kilometer yang berbentuk Y dari Kerteh ke Kemaman dan bergerak ke selatan ke Pasir Gudang dan Singapura dengan satu cabang saluran paip disambungkan ke arah barat ke Meru, Selangor.

Di bawah fasa tiga PGU, saluran paip akan disambungkan sejauh 549 kilometer dan merangkumi tiga sektor dari Meru ke Padang Besar di Perlis. Pembinaan saluran paip dan stesyen meter, sektor pertama dari Meru ke Lumut telah siap dibina dalam 1995. Kerja-kerja pembinaan sektor kedua yang melibatkan sambungan saluran paip dari Lumut ke Gurun, Kedah dan sektor ketiga dari Gurun ke Padang Besar dijangka siap menjelang tahun 1997. Kerja-kerja pembinaan awal ke atas dua lagi loji pemprosesan gas (GPP5 dan GPP6) sedang dilaksanakan, GPP5 dijangka siap pada tahun 1997 diikuti oleh GPP6 dalam tahun 1998. Apabila PGU III siap, kapasiti pemprosesan gas akan meningkat kepada 2000 juta kaki padu sehari dan akan memberi peluang kepada industri-industri kecil di kawasan utara Semenanjung untuk menggunakan gas.

Kimia dan Keluaran Kimia

Industri **kimia dan keluaran kimia** dijangka akan mencatatkan pertumbuhan dua angka dalam tahun 1996 (1995: 7.3%) didorong oleh pembesaran kapasiti serta permintaan yang menggalakkan. Pengeluaran industri ini yang termasuk gas industri, kimia industri, baja, racun perosak tanaman, cat, barnis, lakkuer, ubat-ubatan, sabun, bahan-bahan mencuci dan keluaran plastik telah meningkat dengan ketara sebanyak 17.9% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995 : 5.2%). Peningkatan yang ketara juga dicatatkan dalam pengeluaran gas industri (oksigen, nitrogen, hidrogen, karbon dioksida dan astilena) sebanyak 33.1% (Januari-Julai 1995: 8%) serta baja dan racun perosak tanaman, 23.6% (Januari-Julai 1995: 9.5%). Peningkatan pengeluaran gas industri didorong oleh permintaan daripada industri petrokimia dan industri besi dan keluli. Peningkatan pengeluaran baja dan racun perosak tanaman disebabkan penggunaan yang meningkat di sektor pertanian dan juga peningkatan permintaan luar negara. Pengeluaran cat, barnis dan lakkuer meningkat sederhana sebanyak 7.2% (Januari-Julai 1995: 22.9%), sementara pengeluaran ubat-ubatan meningkat 12.5% dan sabun serta bahan-bahan mencuci juga meningkat sebanyak 9.9% berbanding dengan kemerosotan sebanyak 22.7% dan 8.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Pengeluaran **keluaran plastik** meningkat sedikit pada kadar 1.9% (January-July 1995: 23.5%). Pengeluaran keluaran plastik yang berkurang dengan ketara semenjak pertengahan tahun 1995 adalah selaras dengan pertumbuhan pengeluaran industri elektrik dan elektronik yang sederhana. Kelemahan harga eksport bahan-bahan pembungkusan juga telah mengakibatkan penguncupan pengeluaran sektor kecil ini.

Walaupun **industri petrokimia** bermula secara sederhana pada tahun-tahun enam puluhan, ia telah berkembang dengan pesat untuk mengambil kesempatan daripada 'feedstock' yang diperolehi daripada perkembangan industri petroleum dan gas di dalam negara dan juga untuk memenuhi permintaan daripada industri elektrik dan elektronik, automotif dan pembungkusan. Propilena, polipropilena, ethilena dan poliethilena diproses di kompleks petrokimia bersepadu di Pasir Gudang. MTBE/propilena, polipropilena, ethilena poliethilena pula diproses di kawasan Perindustrian Gebeng

di Kuantan. Di samping itu, terdapat juga projek usahasama ASEAN di Bintulu, Sarawak yang mengeluarkan ammonia/urea, serta loji methanol di Labuan. Projek yang telah dirancang di bawah sektor kecil ini adalah loji ammonia/urea di Gurun, Kedah, loji stirena monomer, loji vinil klorida, loji aromatik dan loji klor-alkali/ethilena diklorid di Kerteh serta loji kedua propilena, loji akrilik asid dan loji oxo-alkohols di Kuantan.

Selaras dengan perkembangan pesat industri minyak kelapa sawit serta penekanan yang diberikan kepada kegiatan pemprosesan hiliran untuk mengeluarkan lebih banyak keluaran kelapa sawit yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, minat terhadap industri **oleokimia** telah meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Di antara pengeluaran syarikat oleokimia Malaysia adalah asid lemak, methil ester, lelemak ester, 'distilled monoglycerides', 'metallic soap', 'amides stearates' dan 'glycerine'. Industri ini dijangka akan mengalami perkembangan yang lebih pesat dengan penubuhan Pusat Teknologi Oleokimia di PORIM pada bulan Ogos 1996.

Keluaran Galian Bukan Logam

Industri **keluaran galian bukan logam** berkembang kukuh dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 dengan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 19.8% berbanding dengan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 8.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Boleh dikatakan semua jenis keluaran yang dikeluarkan oleh industri ini kecuali kepingan leper simen asbestos, kepingan bumbung simen asbestos dan jubin seramik, mencatatkan peningkatan pengeluaran yang ketara berkisar antara 7.9% dan 84.8%. Prestasi pengeluaran industri ini yang lebih baik mencerminkan pembesaran kapasiti pengeluaran industri simen serta terdapat lebih simen bagi tujuan pengeluaran keluaran yang berkaitan simen di tengah-tengah permintaan yang menggalakkan.

Pengeluaran **semua jenis simen** bertambah sebanyak 12.6% kepada 6.9 juta tan dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 14.3%), berikutan kapasiti pengeluaran yang bertambah. Didorong oleh permintaan yang menggalakkan dan terdapat pertambahan simen, pengeluaran sektor kecil **keluaran simen dan konkrit** meningkat dari segi nilai di kilang sebanyak 71.3% kepada RM1.2 bilion dalam tempoh tersebut

(Januari-Julai 1995: 16.4%). Pengeluaran konkrit campuran siap terus kukuh dengan pertumbuhan 84.8%. Sementara jubin bumbung simen pelbagai jenis meningkat sebanyak 46.6% kepada 66 juta keping. Pengeluaran batu bata meningkat walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.9%. Walau bagaimanapun, pengeluaran jubin seramik merosot sedikit dalam tempoh ini. Ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran jubin seramik yang bersaiz lebih besar untuk memenuhi citarasa pengguna yang berubah. Pada masa yang sama, industri kaca dan keluaran kaca juga meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi permintaan domestik yang meningkat. Dalam tempoh yang dikaji, industri ini mencatatkan pertumbuhan pengeluaran 11.5% berbanding dengan kemerosotan 10.5% yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Prospek industri bukan logam, khususnya pengilangan simen dan keluaran seramik, dijangka terus menggalakkan memandangkan perkembangan yang kukuh dalam projek-projek perumahan dan infrastruktur. Pada masa ini terdapat enam buah loji bersepadu dan empat buah loji pengisaran yang mengeluarkan simen di Malaysia dengan pengeluaran di loji-loji ini hampir pada tahap maksimum. Sebagai usaha untuk terus menggalakkan perkembangan industri simen, kerajaan telah mengambil berbagai langkah termasuk memberi lanjutan Elaun Cukai Pelaburan bagi mana-mana pertubuhan baru yang mengeluarkan klinker dan penubuhan loji simen bersepadu yang baru. Kerajaan telah juga menggalakkan syarikat-syarikat yang sedia ada membesarkan kapasiti pengeluaran supaya dapat mengatasi masalah kekurangan simen. Bagi industri seramik pula, penubuhan Taman Seramik di Tronoh, Perak baru-baru ini oleh kerajaan negeri Perak akan menjadi galakan kepada pembangunan industri ini dalam jangka masa panjang.

Besi dan Keluli dan Keluaran Logam

Prestasi pengeluaran industri **besi dan keluli dan keluaran logam** dipengaruhi sebahagian besarnya oleh tahap kegiatan sektor pembinaan dan perkilangan serta permintaan luar negara. Oleh kerana pertumbuhan sektor pembinaan dan perkilangan dijangka terus rancak tetapi agak perlahan dalam tahun 1996, permintaan bagi besi dan keluli dan keluaran logam terus kukuh. Oleh yang demikian, pengeluaran industri ini yang

meliputi keluaran besi asas dan sekunder meningkat sebanyak 16.6% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 28.2%).

Pengeluaran **besi asas dan keluaran logam keluli** yang meliputi jongkong besi, kepingan billet, "slab casting", batang besi, kepingan dan lilitan besi gelek meningkat sebanyak 16.2% dalam tujuh bulan pertama tahun ini (Januari-Julai 1995: 24.5%). Peningkatan pengeluaran ini disebabkan pengeluaran yang tinggi bagi semua keluaran besi asas didorong oleh perkembangan permintaan yang kukuh walaupun lebih perlahan dari dalam negara serta permintaan luar yang menggalakkan untuk besi dan keluli dalam tempoh tersebut.

Pengeluaran industri **besi sekunder dan keluaran keluli** meningkat dengan ketara sebanyak 23.1% (Januari-Julai 1995: 24%) disebabkan sebahagian besarnya oleh pengeluaran **industri asas logam bukan ferum** yang lebih tinggi. Industri ini yang sebahagian besarnya meliputi peleburan timah dan keluaran bukan ferum lain mencatatkan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 30.4% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 13.1%). Begitu juga, pengeluaran industri **keluaran logam yang direka** mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 15.7%. Peningkatan pengeluaran ini disebabkan oleh permintaan ke atas keluaran struktur yang terus kukuh daripada industri pembinaan. Di antara sektor-sektor kecil yang mencatatkan perkembangan jualan yang ketara ialah keluaran struktur logam (20.6%) dawai dan keluaran dawai (29%) dan pengilangan keluaran gangsa, tembaga, pewter dan aluminium (21.3%) sementara keluaran logam direka yang lain meningkat sebanyak 32.6%.

Keluaran besi asas dan keluli dalam negara terutamanya kepingan dan batang besi berupaya memenuhi permintaan dalam negara. Dalam pada itu kadar penggunaan kapasiti bagi kebanyakan kilang besi adalah tinggi pada purata 90%. Walau bagaimanapun, keluaran logam lain seperti blooms/slabs, lilitan besi gelek dan besi tanpa karat dalam negara adalah tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan tempatan dan perlu diimport untuk memenuhi kekurangan tersebut.

Kelengkapan Pengangkutan

Pengeluaran industri **kelengkapan pengangkutan** merekodkan pertumbuhan yang

bertambah perlahan tetapi masih kukuh, sebanyak 20.5% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 26.6%), didorong oleh peningkatan permintaan domestik dan pembesaran kapasiti. Pengeluaran industri ini dijanakan terutamanya oleh pengilangan dan pemasangan kenderaan bermotor, pengilangan bahagian dan aksesori kenderaan bermotor, serta pengilangan dan pemasangan motosikal dan skuter.

Bagi sektor kecil pengilangan dan pemasangan kenderaan bermotor, pengeluaran meningkat sebanyak 39.9% kepada 211, 033 unit dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, selepas peningkatan sebanyak 36.8% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pengeluaran kereta penumpang, 1600 ss dan ke atas merekodkan pertambahan terbesar, iaitu 55.4% diikuti dengan kenderaan perdagangan dengan pertambahan 51.2% dan kereta penumpang di bawah 1600 ss dengan pertambahan 31.7%. Terdapat 14 buah kilang yang terlibat dalam pengilangan dan pemasangan kenderaan bermotor dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996.

Bagi kereta nasional, para pengeluar PROTON dan PERODUA meningkatkan pengeluaran sebanyak 22.7% daripada 109,221 unit dalam tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada 134,008 unit dalam tempoh yang sama tahun 1996. PERODUA merekodkan pertambahan yang lebih besar sebanyak 43.9% dengan 33,799 unit. Walaupun PROTON mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih sederhana sebanyak 16.9%, ia masih menguasai industri dengan pengeluaran sebanyak 74.7% daripada jumlah pengeluaran kereta nasional. Pada masa ini, kilang PROTON di Shah Alam mempunyai kapasiti terpasang untuk mengeluarkan 180,000 kenderaan setahun dan dijangka meningkat kepada 230,000 unit setahun, dengan siapnya kilang saiz sederhana pada tahun 1997. Kilang PROTON kedua di Tanjung Malim, Perak, apabila siap dalam tahun 1999, akan dapat meningkatkan pengeluaran kepada 500,000 unit setahun. Kapasiti pengeluaran PERODUA sekarang ini ialah 65,000 unit setahun dan dijangka meningkat kepada 120,000 unit dalam tahun 1997, hasil daripada program pembesaran yang sedang dilaksanakan. Sebagai mencerminkan hasil usaha-usaha bertujuan meningkatkan nilai ditambah pengeluaran, PROTON telah mencapai lebih 90% kandungan tempatan dari segi komponen bagi model ISWARA dan WIRA dan 56% bagi model PERDANA sejak 1995. PERODUA telah menetapkan sasaran meningkatkan kandungan

tempatan kepada 65% dalam tahun 1996 (1995: 56%) dan sehingga 76% dalam tahun 1997.

Penjualan **kenderaan bermotor** meningkat sebanyak 19.2% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan peningkatan 68.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Kesederhanaan dalam pertumbuhan jualan disebabkan jualan kereta penumpang yang jauh berkurangan sebanyak 12.3% (Januari-Julai 1995: 73.3%). Margin pembiayaan pinjaman yang rendah bagi pembelian kereta penumpang kepada 75% daripada kos kereta yang dikenakan oleh Bank Negara pada bulan Oktober 1995, di samping kadar faedah yang lebih tinggi mungkin telah menjejaskan jualan kereta penumpang. Prestasi jualan kereta perdagangan dan pacuan empat roda adalah lebih baik dengan masing-masing meningkat 46.2% dan 47.3% berbanding dengan peningkatan 51.2% dan 54.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Pengeluaran daripada industri **komponen dan aksesori kenderaan bermotor** juga meningkat pada tahap yang lebih perlahan sebanyak 19.9% bagi tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 54.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Terdapat 66 buah kilang dalam industri ini. Industri ini dijangka terus mendapat faedah daripada keputusan para pengeluar kereta nasional untuk membesarkan kapasiti pengeluaran dan untuk mengurangkan kandungan import, serta projek-projek motosikal nasional dan trak berat.

Pengeluaran **motosikal dan skuter** berkurangan sedikit sebanyak 1.4% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 selepas pertambahan ketara sebanyak 24.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pertumbuhan pengeluaran yang lebih rendah ini mencerminkan kesederhanaan dalam pertumbuhan permintaan dan kekangan kapasiti. Jualan motosikal meningkat sedikit pada kadar 0.5% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding peningkatan sebanyak 4.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan pengeluaran industri motosikal dan skuter dapat dijangka dengan terlaksananya projek motosikal nasional oleh Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (Modenas) di Gurun, Kedah. Kilang ini dijangka mengeluarkan 100,000 buah motosikal apabila beroperasi sepenuhnya dengan kapasiti yang dijangka meningkat dua kali ganda dalam tempoh tiga tahun. Motosikal 110 ss Modenas ini akan mempunyai kandungan tempatan permulaan sebanyak 60%.

RENCANA 3

Produktiviti Buruh, Upah dan Kos Buruh Seunit dalam Sektor Perkilangan — Satu Analisis Perbandingan

I. Pengenalan

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, satu isu yang mendapat perhatian yang melibatkan sektor perkilangan ialah kenaikan upah akibat daripada keadaan pasaran buruh yang ketat. Kenaikan kadar upah purata seorang pekerja yang lebih cepat daripada produktiviti buruh akan menyebabkan kos buruh seunit turut naik. Kos buruh seunit yang secara relatifnya lebih tinggi, boleh menjejaskan daya saing dari segi kos bagi keluaran Malaysia di pasaran global. Justeru itu, adalah perlu kita memastikan bahawa kadar kenaikan produktiviti buruh terus mengatasi kadar kenaikan upah purata untuk mengekalkan dan memperkukuhkan daya saing negara. Dalam konteks ini, kemampuan pertumbuhan sektor perkilangan dalam jangka panjang akan bergantung kepada kemampuannya untuk terus meningkatkan produktiviti buruh dengan peningkatan kemahiran dan kecekapan serta keupayaan Penyelidikan dan Pembangunan (P & P) melalui pelaburan dalam pembangunan sumber manusia, peralihan kepada teknologi dan proses pengeluaran yang lebih cekap, serta peningkatan keupayaan pengurusan yang berterusan.

Tujuan rencana ini ialah untuk menganalisis arah aliran produktiviti buruh dan upah dan kesannya kepada kos buruh seunit dalam tempoh tujuh tahun yang lalu (1989-1995).

II. Produktiviti Buruh — Konsep dan Pengukuran

Produktiviti buruh ditakrifkan sebagai pengeluaran seorang pekerja, iaitu jumlah pengeluaran sesebuah entiti dibahagi dengan bilangan pekerja yang terlibat dalam menjanakan pengeluaran tersebut. Dalam pengiraan produktiviti buruh, pengeluaran ditakrifkan sebagai nilai ditambah kepada barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah entiti. Nilai ditambah ialah perbezaan di antara nilai jualan pengeluaran tolak semua kos barangan perantaraan yang tidak dikeluarkan sendiri oleh sesebuah entiti, tetapi digunakan dalam pengilangan pengeluaran tersebut.

Bagi keseluruhan ekonomi Malaysia, produktiviti buruh benar diukur sebagai Keluaran Dalam Negara Kasar (pada harga tetap tahun 1978) dibahagi dengan bilangan pekerja. Bagi keseluruhan ekonomi, produktiviti buruh benar telah meningkat sebanyak 5.1% setahun daripada RM11,870 pada tahun 1990 kepada lebih kurang RM15,200 pada tahun 1995 pada harga tetap 1978. Bagi sektor perkilangan, pengeluaran seorang pekerja meningkat 3.9% setahun dalam tempoh berkenaan sementara bagi sektor pertanian sebanyak 6.1% dan sektor perkhidmatan sebanyak 5.9%.

Produktiviti buruh, diukur pada harga tetap, dianggap sebagai produktiviti buruh benar kerana ia tidak mengambil kira nilai ditambah yang disebabkan oleh perubahan harga. Pada amalnya, perubahan, iaitu peningkatan atau kemerosotan pada produktiviti buruh benar dalam jangka masa tertentu selalunya dikira dengan mengambil jumlah keluaran bagi seorang pekerja. Walaupun peningkatan kualiti barangan menyumbang kepada produktiviti buruh, ia sering diketepikan oleh kerana kesukaran untuk mengira sumbangan yang disebabkan oleh peningkatan kualiti.

Perubahan dalam **produktiviti buruh nominal** atau produktiviti buruh pada harga semasa diukur dengan mengambil kira impak perubahan-perubahan pada jumlah keluaran dan harga pengeluaran, iaitu nilai semasa pengeluaran seorang pekerja. Walau bagaimanapun produktiviti buruh yang diukur pada harga semasa mungkin tidak mencerminkan perubahan benar, kerana produktiviti buruh dalam ukuran ini boleh meningkat tanpa peningkatan yang sama dalam pengeluaran seorang pekerja. Bahkan dalam kes-kes di mana jumlah pengeluaran seorang pekerja tidak berubah ataupun merosot, nilai pengeluaran seorang pekerja pada harga semasa boleh meningkat apabila harga keluaran meningkat dengan kadar yang lebih cepat daripada kadar kejatuhan kuantiti pengeluaran. Oleh itu, **produktiviti buruh lebih kerap diukur dari segi benar**.

III. Produktiviti Buruh Dalam Sektor Perkilangan

(i) Produktiviti Buruh Benar

Dalam sektor perkilangan, perubahan dalam produktiviti buruh boleh dianggarkan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Statistik melalui terbitannya bertajuk "Monthly Survey of

Manufacturing Industries" dan "Index of Industrial Production" yang meliputi 58 industri yang merangkumi kira-kira 65% nilai ditambah dan 62% pengeluaran sektor perkilangan pada tahun 1988. Kedua-dua dokumen ini membekalkan maklumat tentang nilai jualan keluaran industri perkilangan, bilangan pekerja bergaji, jumlah upah pada harga semasa dan indeks pengeluaran industri-industri yang dikaji ini. Daripada maklumat-maklumat ini, maklumat-maklumat berikut boleh diperolehi atau dianggarkan:

- (i) nilai jualan purata seorang pekerja pada harga semasa;
- (ii) upah purata seorang pekerja pada harga semasa;
- (iii) pengeluaran seorang pekerja atau indeks produktiviti buruh benar;
- (iv) kadar perubahan dalam harga jualan keluaran perkilangan;
- (v) kos buruh seringgiti jualan; dan
- (vi) kos buruh setiap unit keluaran. (kos buruh seunit).

Perubahan-perubahan produktiviti buruh benar dan upah purata benar¹ dan impak perubahan-perubahan ini ke atas kos buruh seunit benar keluaran dalam sektor perkilangan ditunjukkan di Jadual 1. Produktiviti buruh benar telah meningkat pada kadar yang lebih cepat daripada upah purata benar atau merosot lebih perlahan daripada kadar kemerosotan upah purata benar dalam tempoh 1990-1995, kecuali pada tahun 1992 dan tujuh bulan pertama tahun 1996. Akibatnya, kos buruh seunit keluaran benar merosot dalam tempoh tersebut (kecuali tahun 1992 dan tujuh bulan pertama tahun 1996). Peningkatan kos buruh seunit benar pada tahun 1992 dan tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 disebabkan kadar kenaikan upah purata benar yang lebih cepat daripada kenaikan produktiviti buruh. Kadar kenaikan produktiviti buruh yang lebih rendah dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 sebahagiannya disebabkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih rendah bagi industri elektrik dan elektronik berikutan pertumbuhan permintaan yang lebih perlahan terhadap barangan elektronik daripada luar negara.

Jadual 1


Sektor Perkilangan: Produktiviti Buruh Benar, Upah Purata Benar Dan Kos Buruh Seunit Benar (% Perubahan Tahunan) (1989=100)

Tahun	Produktiviti Buruh Benar	Upah Purata Benar Seorang Pekerja	Kos Buruh Seunit Benar
1990	5.9	3.9	-2.0
1991	3.3	2.8	-0.5
1992	0.4	10.5	10.1
1993	-1.1	-2.3	-1.2
1994	3.9	-0.8	-4.7
1995	5.4	3.8	-1.6
1996 Januari-Julai	3.9	7.1	3.2

Jadual 2 menunjukkan perbandingan indeks-indeks kos buruh seunit bagi sektor perkilangan secara menyeluruh; industri elektrik dan elektronik dan jentera; industri tekstil dan pakaian; industri kimia dan keluaran kimia; dan industri kelengkapan pengangkutan semenjak 1989. Kita dapat memerhatikan bahawa pada tahun 1995, indeks-indeks kos buruh seunit benar dalam sektor perkilangan secara keseluruhan serta industri-industri elektrik dan elektronik dan jentera; dan industri tekstil dan pakaian; masing-masing lebih rendah daripada indeks-indeks kos buruh seunit benar pada tahun 1989. Ini menunjukkan bahawa kadar kenaikan jangka panjang produktiviti buruh bagi sektor perkilangan secara menyeluruh serta industri-industri elektrik dan elektronik dan jentera; dan tekstil dan pakaian, sejak 1989 telah mengatasi kadar kenaikan upah purata benar menjelang 1995, walaupun arah alirannya berubah dari tahun ke tahun. (Sila lihat Carta 1). Walau bagaimanapun, bagi industri kimia dan keluaran kimia dan industri kelengkapan pengangkutan, indeks-indeks kos buruh seunit pada tahun 1995 lebih tinggi daripada tahun 1989 (Sila lihat Jadual 2). Ini menunjukkan

¹ Upah purata benar ditakrifkan sebagai nilai semasa jumlah upah, tolak peningkatan harga jualan sesebuah keluaran, dibahagi dengan bilangan pekerja.

Carta 1
Perbandingan di Antara Indeks Produktiviti Buruh Benar Dengan Upah Purata Benar
Mengikut Industri Utama (1989 - 1995)



Jadual 2

Perbandingan di antara Indeks Kos Buruh Seunit
Benar bagi Industri-industri Utama
Dalam Sektor Perkilangan
(1989=100)

Tahun	Sektor Perkilangan	Elektrik & Elektronik & Jentera	Tekstil & Pakaian	Kimia & Keluaran Kimia	Kelengkapan Pengangkutan
1989	100	100	100	100	100
1990	98.1	93.8	101.7	105.5	104.4
1991	97.6	94.0	103.6	91.1	100.4
1992	107.4	100.1	111.2	111.5	109.6
1993	106.2	94.1	113.2	118.3	106.0
1994	101.4	88.3	104.4	116.7	114.1
1995	99.9	91.6	97.8	113.3	101.7

kadar kenaikan jangka panjang produktiviti buruh bagi kedua-dua industri ini lebih perlahan daripada kadar kenaikan upah purata benar.

(ii) Produktiviti Buruh Nominal

Produktiviti buruh nominal dalam sektor perkilangan dianggarkan dengan mengira perubahan-perubahan pada nilai jualan seorang pekerja pada harga semasa. Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa nilai jualan seorang pekerja mungkin melebihi nilai pengeluaran seorang pekerja kerana ia termasuk kos-kos barangan perantaraan. Walau apapun, kadar perubahan nilai jualan seorang pekerja pada harga semasa dalam satu jangka masa tertentu boleh menjadi satu petunjuk tentang kadar perubahan produktiviti buruh nominal, dengan andaian bahawa bahagian nilai ditambah kepada jumlah nilai jualan adalah tetap.

Seperti yang ditunjukkan di Jadual 3, nilai jualan seorang pekerja pada harga semasa dalam sektor perkilangan telah meningkat daripada

RM126,300 pada tahun 1989 kepada RM197,300 pada tahun 1995 atau satu kenaikan kumulatif sebanyak 56.2%. Pada masa yang sama, upah purata seorang pekerja bagi tempoh yang sama meningkat daripada RM7,700 pada tahun 1989 kepada RM12,009 setahun, atau peningkatan kumulatif sebanyak 56%. Ini bermakna produktiviti buruh nominal telah dapat menyaingi peningkatan upah dalam tempoh 1990-95. Walau bagaimanapun, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, jurang di antara kedua-dua petunjuk ini melebar, dengan nilai jualan seorang pekerja meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.3%, jauh lebih rendah daripada peningkatan upah purata sebanyak 8.6%. Arah aliran yang sama berlaku pada tahun 1992 apabila nilai jualan seorang pekerja tidak berubah tetapi upah purata seorang pekerja meningkat sebanyak 10%. Perkembangan ini, di mana kadar pertumbuhan upah purata tidak seiring dengan pertumbuhan produktiviti buruh, telah menyebabkan kos buruh seringgit jualan turut naik.

Dari segi kos buruh seringgit jualan, seperti ditunjukkan di Jadual 3, ia lebih rendah sedikit

Jadual 3

Sektor Perkilangan: Nilai Jualan Seorang Pekerja,
Upah Purata dan Kos Buruh Seringgit Jualan¹
(Dalam Harga Semasa)

Tahun/ Butiran	(A) Nilai Jumlah Purata Seorang Pekerja: RM'000	(B) % Perubahan Dalam Nilai Jualan Seorang Pekerja	(C) Upah Purata Seorang Pekerja (RM)	(D) % Perubahan Upah Purata	(E) Kos Buruh % Seringgit Jualan (sen)	(F) Perubahan Kos Buruh Seringgit Jualan
1989	126.3		7,700		6.09	
1990	137.0	8.5	8,190	6.4	5.98	-1.8
1991	148.0	8.0	8,806	7.5	5.95	-0.5
1992	148.0	0	9,689	10.0	6.55	10.0
1993	154.2	4.2	9,980	3.0	6.47	-1.2
1994	174.9	13.4	10,809	8.3	6.18	-4.5
1995	197.3	12.8	12,009	11.1	6.08	-1.6
1996	119.8	5.3	7561	8.6	6.31	3.2

¹ Data telah dibulatkan

pada tahun 1995 (6.08 sen) dibandingkan dengan tahun 1989 (6.09). Pada amnya, kos buruh seringgit jualan telah merosot sejak tahun 1989, menandakan kemerosotan bahagian kos buruh kepada nilai jualan dalam tempoh tersebut. Sekali lagi, tahun 1992 dan tujuh bulan pertama 1996 terkecuali di mana kos buruh seringgit jualan masing-masing meningkat dengan ketara kepada 6.55 sen dan 6.31 sen.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1996, peningkatan produktiviti buruh (5.3%) jauh lebih rendah daripada peningkatan upah purata (8.6%). Ini menyebabkan kos buruh seringgit jualan meningkat pada kadar tahunan 3.2%, daripada 6.12 sen dalam tempoh yang sama 1995 kepada 6.31 sen. Peningkatan bahagian kos buruh kepada

nilai jualan dalam tempoh tujuh bulan pertama 1996 disebabkan pengurangan nilai jualan (Sila lihat Jadual 4), yang sebahagiannya terjejas kerana harga jualan yang lebih rendah bagi keluaran elektronik seperti Dynamic Random Access Memory serta pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan akibat tempahan belian yang lebih rendah dari luar negara.

Bagi tahun 1992, peningkatan 10.0% kos buruh seringgit jualan disebabkan pengurangan kadar pertambahan nilai jualan daripada 19.1% pada tahun 1991 kepada 10.0% pada tahun 1992 akibat daripada permintaan yang perlahan dan kemerosotan harga purata jualan, seperti ditunjukkan di Jadual 4. Sebaliknya, peningkatan jumlah upah meningkat kepada 21.1% dalam tahun

Jadual 4

Nilai Jualan, Bilangan Pekerja Bergaji, Jumlah Gaji dan Harga Jualan Purata (% Perubahan Tahunan)

<i>Tahun</i>	<i>Nilai Jualan¹</i>	<i>Bilangan Pekerja Bergaji</i>	<i>Jumlah Gaji¹</i>	<i>Harga Jualan Purata¹</i>
1990	18.3	9.1	16.0	2.4
1991	19.1	10.3	18.6	4.6
1992	10.0	10.1	21.1	-0.4
1993	19.1	14.2	17.7	5.4
1994	25.2	10.4	19.6	9.2
1995	22.6	8.7	20.8	7.1
1996 Januari-Julai	14.8	9	18.4	1.4

¹ Nilai adalah pada harga semasa

Jadual 5

Kos Buruh Seringgit Jualan Nominal Mengikut Industri Utama (sen seringgit jualan)

<i>Tahun</i>	<i>Elektrik & Elektronik & Jentera</i>	<i>Tekstil & Pakaian</i>	<i>Kimia & Keluaran Kimia</i>	<i>Kelengkapan Pengangkutan</i>
1989	5.7	12.0	5.9	4.8
1990	5.4	12.2	6.2	5.0
1991	5.4	12.4	5.3	4.8
1992	5.7	13.4	6.6	5.3
1993	5.4	13.6	7.0	5.1
1994	5.1	12.5	6.8	5.5
1995	5.1	11.7	6.7	4.8

1992, daripada 18.6% dalam tahun 1991 akibat upah purata yang lebih tinggi dan pertambahan 10.1% bilangan pekerja bergaji.

Jadual 5 menunjukkan perbandingan bahagian kos buruh nominal kepada nilai jualan empat industri utama, iaitu industri elektrik dan elektronik dan jentera; industri tekstil dan pakaian; industri kimia dan keluaran kimia; dan industri kelengkapan pengangkutan. Kita dapat memerhatikan bahawa kos buruh seringgit jualan pada tahun 1995 bagi kesemua industri, kecuali industri kimia dan keluaran kimia, sama atau lebih rendah daripada tahun 1989. Ini menunjukkan bahawa kadar peningkatan relatif bagi nilai jualan purata seorang pekerja (produktiviti buruh nominal) adalah seiring dengan kadar peningkatan upah purata seorang pekerja daripada 1989 hingga 1995.

Kesimpulan

Pertambahan produktiviti buruh benar dan nominal dalam sektor perkilangan bagi tempoh

1989-1995 (kecuali 1992) pada umumnya telah mengatasi peningkatan upah purata benar dan nominal seorang pekerja. Ini telah menyebabkan kos buruh seunit pengeluaran serta kos buruh seringgit jualan menjadi rendah sedikit pada tahun 1995 dibandingkan dengan tahun 1989. Walau bagaimanapun, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, kos buruh seunit telah meningkat. Sementara ini mungkin merupakan satu keadaan peralihan terutamanya kerana pertumbuhan pengeluaran yang lebih rendah dalam sektor elektronik berikutan pertumbuhan permintaan yang lebih perlahan, Malaysia mestilah terus menggiatkan usaha-usaha meningkatkan produktiviti buruh. Ini perlu dilaksanakan melalui peningkatan kemahiran, dan keupayaan Penyelidikan & Pembangunan pekerja-pekerja melalui usaha pembangunan sumber manusia dan peralihan ke arah teknologi dan proses pengeluaran yang lebih efisien serta lebih menjimatkan tenaga buruh, agar negara dapat mengekalkan kelebihan daya saing di pasaran global.

Sektor Pertanian

Pengeluaran sektor pertanian dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi sedikit pada tahun 1996 iaitu 1.6% (1995: 1.1%). Ini kerana penurunan pengeluaran kayu balak yang kecil sebanyak 1.9% (1995: -11.4%) dan koko sebanyak 7.2% (1995: -25.7%), sementara pertumbuhan pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka lebih sederhana. Pengeluaran getah pula diramalkan akan menurun sebanyak 1.7% (1995: -1.1%).

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, pengeluaran minyak kelapa sawit mentah ialah 4.42 juta tan metrik iaitu 6.1% melebihi pengeluaran untuk tempoh yang sama pada tahun 1995. Bagi keseluruhan tahun 1996, sejumlah besar pengeluaran berasal dari Semenanjung Malaysia


Jadual 4.7

Keluasan Tanaman dan Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit

	1995	% percubaan	1996*	% percubaan
Keluasan tanaman ('000 hektar)	2,507	4.0	2,567	2.4
Keluasan matang ('000 hektar)	2,235	6.5	2,326	4.1
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit mentah	7,810	8.2	8,040	2.9
Minyak isirong kelapa sawit	1,036	7.9	1,130	9.1
Penghasilan (kg/hektar)	3,490	1.4	3,730	6.9

* anggaran
Sumber: Kementerian Perusahaan Utama

Carta 4.2
Indeks Pengeluaran Pertanian
(1978 = 100)



dengan jangkaan hasil sebanyak 6.27 juta tan metrik. Semenanjung Malaysia dijangka mengeluarkan 78% daripada jumlah pengeluaran negara, dengan jumlah terbesar dari Johor (23.2%), Pahang (20%) dan Perak (12.5%). Pengeluaran dari Sabah pula dianggarkan sebanyak 1.53 juta tan metrik atau 19% sementara pengeluaran dari Sarawak sebanyak 241,200 tan metrik atau 3% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran negara. Namun begitu, pengeluaran minyak kelapa sawit Sarawak dijangka meningkat pada kadar yang lebih cepat iaitu 8.5% pada tahun 1996 (1995: 222,363 tan metrik) disebabkan oleh jumlah pertambahan pokok-pokok yang matang.

Untuk keseluruhan tahun 1996, pengeluaran **minyak sawit mentah** dijangka meningkat secara sederhana sebanyak 2.9% kepada 8.04 juta tan metrik, berbanding 8.2% pertambahan pada tahun 1995 (7.81 juta tan metrik). Faktor yang menyumbang kepada pertambahan pengeluaran kelapa sawit ialah pertambahan jumlah keluasan tanaman yang matang iaitu sebanyak 85,000 hektar, peningkatan hasil sebanyak 5.6% kepada 20 tan metrik sehektar (1995: 18.9 tan metrik/

hektar) dan pemulihan pokok melawas yang dialami pada tahun 1994. Jumlah keluasan tanaman kelapa sawit dijangka bertambah sebanyak 2.4% pada tahun 1996 kepada 2.57 juta hektar, dengan tambahan sebanyak 60,000 hektar kawasan tanaman baru. Estet swasta merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah keluasan tanaman (50.3%) sementara FELDA, FELCRA dan agensi lain kerajaan menyumbang sebanyak 40.1% dan selebihnya (9.6%) oleh pekebun-pekebun kecil.

Bagi tujuh bulan pertama tahun 1996, pengeluaran **minyak isirong kelapa sawit** meningkat sebanyak 6.6% kepada 600,045 tan metrik daripada 563,151 tan metrik bagi tempoh yang sama pada tahun 1995. Dengan hasil pengeluaran kelapa sawit yang tinggi dan peningkatan permintaan barangan oleokimia (yang berasaskan minyak dan lemak sayuran), pengeluaran minyak isirong kelapa sawit dijangka meningkat sebanyak 1% kepada 1.04 juta tan metrik pada tahun 1996 berbanding 1.03 juta tan metrik pada tahun 1995.

Industri kelapa sawit Malaysia terpaksa bersaing dengan 14 jenis minyak dan lemak yang lain di pasaran dunia. Untuk terus bersaing, industri ini perlu mengekalkan dan meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan meningkatkan tahap kadar perahan minyak (oil extraction rate) (OER). Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, industri minyak sawit Malaysia berhadapan dengan masalah penurunan OER di mana OER telah merosot daripada 19.87% pada tahun 1988 kepada 18.63% pada tahun 1995. Disebabkan penurunan ini, dijangkakan bagi tempoh tahun 1991-1995, industri minyak kelapa sawit negara mengalami kerugian hasil pendapatan sejumlah RM1.82 bilion. Daripada kajian yang dijalankan pada tahun 1995, Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORLA) mendapati bahawa walaupun sebahagian daripada masalah ini adalah di luar kawalan, tetapi faktor-faktor lain masih boleh dikawal. Ini termasuklah mutu buah tandan bersih yang dibekalkan ke kilang yang tidak konsisten, dan tahap kotoran atau bendasing yang tinggi terutama di kalangan pekebun-pekebun dan estet-estet kecil. Untuk mengatasi masalah OER ini, PORLA sedang merangka satu manual untuk menggred buah kelapa sawit dan menggalakkan kilang-kilang supaya mengadakan sistem pemilihan yang lebih teratur.

Dalam konteks penyelidikan dan pembangunan, penekanan yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) ialah penyelidikan untuk penggunaan (applied research). Untuk itu, PORIM telah membangunkan 31 teknologi baru di mana 14 daripadanya telah dikomersilkan hingga hujung tahun 1995. Sejak 23 Mei 1996, 12 penemuan penyelidikan lagi telah dikemukakan kepada industri untuk dinilai. Di antaranya ialah losyen dan krim, keju berasaskan minyak kelapa sawit, pasta coklat berasaskan minyak kelapa sawit, sabun kalsium, pembuatan marjerin dan kertas pembalut bersalut minyak.

Kayu Kayan

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, pengeluaran **kayu balak** telah merosot sebanyak 7.1% kepada 15.32 juta meter padu berbanding 16.49 juta meter padu dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Untuk keseluruhan tahun 1996, pengeluaran kayu balak dijangka akan menurun sebanyak 1.9% kepada 31 juta meter padu, daripada 31.6 juta meter padu pada tahun 1995, mencerminkan sokongan dasar kerajaan ke arah pengurusan perhutanan yang mampan. Sarawak dijangka terus menjadi pengeluar terbesar kayu balak negara iaitu 53.2% atau 16.5 juta meter padu (1995: 50.9%) daripada jumlah pengeluaran keseluruhan, diikuti oleh Semenanjung Malaysia, 27.4% atau 8.5 juta meter padu (1995: 20.6%) dan Sabah, 19.4% atau 6 juta meter padu (1995: 28.5%).

Dalam usaha memastikan bekalan kayu kayan yang cukup untuk kegunaan negara dan juga untuk pasaran eksport, Jabatan Perhutanan telah merangka Dasar Pembangunan Perhutanan untuk digunapakai di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Di bawah dasar ini, penekanan diberi kepada:

- mengekalkan keluasan secukupnya bagi Rezaab Hutan Kekal;
- pengurusan dan pembangunan sumber hutan berasaskan prinsip pemampanan pengurusan hutan;
- menggandakan usaha mengganti semula hutan melalui tanam semula dan juga penjagaan 'sivilculture' ke atas kawasan hutan yang telah diterokai;

- mengekalkan kestabilan alam sekitar, 'biodiversity' dan sumber genetik dalam melaksanakan program pemulihan semula hutan; dan
- melaksanakan rancangan yang boleh menyokong penggunaan berterusan sumber hutan.

Malaysia telahpun menjalankan program untuk mencapai kriteria pemampanan pengurusan hutan menjelang tahun 2000 yang ditetapkan oleh Organisasi Kayu-Kayan Tropika Antarabangsa (ITTO) yang akan dikuatkuasa pada bulan Januari 1997 di mana Malaysia adalah anggota pertubuhan ini.

Getah

Untuk tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, jumlah pengeluaran **getah** telah merosot sebanyak 1.7% atau 604,336 tan metrik (1995: Januari-Julai: 7.4%). Sektor estet mencatatkan penurunan sebanyak 2.5% (1995: Januari-Julai: -9.5%) manakala pekebun kecil menunjukkan kemerosotan sebanyak 1.5% (1995: Januari-Julai, 13%). Daripada jumlah pengeluaran keseluruhan, pekebun kecil menyumbang sebanyak 79.1% dan selebihnya 20.9% disumbang oleh sektor estet.

Jumlah keluasan tanaman getah pada tahun 1996 dijangka berkurangan sebanyak 0.6% kepada 1.71 juta hektar daripada 1.72 juta hektar dalam tahun 1995 terutama disebabkan oleh kehilangan kawasan tanaman seluas 12,000 hektar di Semenanjung Malaysia, sementara keluasan tanaman di Sabah dan Sarawak dijangka bertambah sebanyak 1,000 hektar bagi setiap negeri. Faktor utama pengurangan keluasan tanaman di Semenanjung Malaysia ialah kekurangan buruh dalam kedua-dua sektor sama ada kebun kecil atau estet dan penukaran jenis tanaman kepada jenis yang lain terutama kelapa sawit dan juga penukaran penggunaan tanah kepada tapak industri dan penempatan penduduk. Akibatnya, pengeluaran getah dijangka merosot sebanyak 1.7% kepada 1.070 juta tan metrik dalam tahun 1996 daripada 1.089 juta tan metrik pada tahun 1995.

Pekebun-pekebun kecil menyumbang 84.6% daripada jumlah keluasan kawasan yang ditanami dan kira-kira 79% daripada pengeluaran negara.

Jadual 4.8

Keluasan Tanaman Getah, Hasil dan Pengeluaran

		%		%
	1995	perubahan	1996 ^a	perubahan
Jumlah keluasan ('000 hektar)				
Kebun kecil	1,456.4	1.1	1,450.4	-0.4
Estet	267.5	-5.1	263.5	-1.5
Hasil ¹ (kg/hektar)				
Kebun kecil	941	-1.7	975	3.6
Estet	1,135	-6.6	1,261	11.0
Jumlah pengeluaran ('000 tan metrik)				
	1,089	-1.1	1,070	-1.7
% daripada pengeluaran dunia				
	18.7	-3.1	17.8	-4.8
Kebun kecil	847	2.2	846	-0.1
Estet	243	-10.3	224	-7.8

¹ Semenanjung Malaysia sahaja

^a anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan.

Kedua-dua sektor estet dan pekebun kecil dijangka mencatatkan hasil yang lebih tinggi pada tahun 1996. Namun demikian, hasil sektor pekebun kecil ialah sebanyak 975 kg/hektar (1995: 941 kg/hektar) kesusutan sebanyak 22.7% daripada hasil estet sebanyak 1,261 kg/hektar (1995: 1,135 kg/hektar). Perbezaan pengeluaran antara pekebun kecil dan estet ini mencerminkan perbezaan pengurusan ladang dan kadar penggunaan teknologi moden termasuk penggunaan bahan tanaman yang baru dan juga teknik-teknik penorehan.

Dalam menghadapi masalah kekurangan buruh, pengecilan keluasan kawasan tanaman dan pengurangan pengeluaran, tumpuan utama P&P bagi Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) ialah ke arah memperbaiki hasil dan meningkatkan produktiviti. Untuk mencapai tujuan ini, RRIM sejak tahun 1995 telah memperkenalkan cadangan penanaman baru berdasarkan pendekatan 'Environmax' untuk mempercepatkan tempoh

penanaman klon baru yang dicadangkan. Berbagai sistem dan teknik torehan telah diperkenalkan dengan tujuan mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan untuk meningkatkan produktiviti. Ini termasuklah mengurangkan ulangan torehan dengan penggunaan bahan rangsangan, torehan tebuk (puncture tapping) dan sistem "RRIMFLOW short-cut". Sistem "RRIMFLOW short-cut" melibatkan torehan samada satu-lapan atau satu-suku potongan untuk pusingan d/3 (torehan setiap 3 hari sekali) atau frekuensi d/4, digabungkan dengan saiz-kerja yang diperbesarkan (650-750 pokok) telah diusahakan sebagai teknik berkesan untuk meningkatkan hasil torehan.

Pertanian Lain, Ternakan dan Perikanan

Pengeluaran **koko** yang telah mengalami kemerosotan sejak tahun 1991 dijangka akan terus merosot sebanyak 7.2% kepada 122,000 tan metrik pada tahun 1996 daripada 131,475 tan metrik pada tahun 1995. Namun demikian, Malaysia masih berada di tempat keenam di kalangan pengeluar utama koko dunia.

Harga koko yang secara bandingannya rendah, cuaca yang kurang baik dan pengecilan keluasan kawasan tanaman adalah sebab utama kejatuhan pengeluaran koko pada tahun 1996. Jumlah keluasan tanaman koko pada tahun 1996 dijangka merosot sebanyak 3.3% kepada 235,000 hektar (1995: 242,915 hektar). Dari sejumlah 7,900 hektar kawasan tanaman koko yang telah ditukar kepada jenis tanaman lain dan juga untuk kegunaan lain, kebanyakan kawasan yang ditukarkan ialah di Sarawak (4,500 hektar) dan di Semenanjung Malaysia (2,400 hektar) manakala penukaran kepada kegunaan lain di Sabah lebih rendah (1,000 hektar). Walaupun keluasan kawasan tanaman koko di Sabah hanya 134,000 hektar atau 57% dari jumlah keluasan keseluruhan, pengeluarannya dijangka sebanyak 90,000 tan metrik telah menyumbang 73.7% daripada jumlah pengeluaran negara yang mencerminkan pengeluaran koko di Sabah masih yang tertinggi. Sementara itu Semenanjung Malaysia dengan keluasan 74,000 hektar (31.5%) menghasilkan 29,000 tan metrik atau 23.7% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan. Selebihnya 3,000 tan metrik adalah dari Sarawak yang mempunyai keluasan kawasan seluas 27,000 hektar.

Jadual 4.9

Pengeluaran Tanaman Lain, Ternakan dan Perikanan ('000 tan metrik)

	1995	% perubahan	1996*	% perubahan
Padi	2,127p	-0.6	2,128	0.0
Koko	131.5	-25.7	122.0	-7.2
Lada hitam	15.0	-6.3	12.0	-20.0
Nenas	140.4	-10.1	141.1	0.5
Tembakau ¹	88.4	53.5	97.8	10.6
Buah-buahan ²	1,012	6.5	1,053	4.1
Perikanan ³	1,099	3.1	1,131	2.9
Ternakan ⁴	833.8	4.0	864.8	3.7

¹ Daun tembakau hijau.

² Mengandungi tujuh jenis buah-buahan utama iaitu durian, belimbing besi, jambu batu, rambutan, manggis, pisang dan betik.

³ Pendaratan ikan laut.

⁴ Termasuk daging lembu/kerbau, daging ayam, daging kambing dan daging khinzir.

* Anggaran.


p Data awal.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama.

Hampir 95% tanaman koko negara terdiri dari pokok yang matang dan kebanyakannya menghadapi kemerosotan hasil. Dalam usaha membantu pengusaha-pengusaha kebun kecil koko meningkatkan hasil mereka, Lembaga Koko Malaysia telah mengenalpasti 2,000 hektar ladang pekebun kecil di Sabah, Sarawak, Pahang, Johor dan Perak yang akan ditanam semula.

Pengeluaran **lada hitam** dijangka menurun sebanyak 20% daripada 15,000 tan metrik pada tahun 1995 kepada 12,000 tan metrik pada tahun 1996 berpunca dari cuaca lembab pada musim berbunga, yang telah mengurangkan pengeluaran dan pertambahan kejadian penyakit 'Blackberry'. Dengan 9,690 hektar tanah ditanami lada hitam, Sarawak kekal sebagai pengeluar terbesar lada hitam dengan menyumbang 98.8% dari jumlah pengeluaran lada hitam negara.

Carta 4.3
Indeks Pengeluaran Perlombongan
(1987 = 100)



Pengeluaran **buah-buahan tempatan** pada tahun 1996 dijangka meningkat secara keseluruhannya sebanyak 4.1% kepada 1.05 juta tan metrik berbanding 1.01 juta tan metrik pada tahun 1995. Termasuk dalam buah-buahan tempatan yang utama ialah durian, rambutan, belimbing besi, jambu batu, manggis, pisang dan betik. Pisang, durian dan rambutan terus menjadi tanaman utama yang ditanam, menyumbang 83.2% daripada jumlah pengeluaran pada tahun 1996. Sejalan dengan peningkatan pengeluaran, keluasan tanaman buah-buahan utama ini dijangka meningkat sebanyak 5.3% kepada 233,307 hektar.

Nilai pengeluaran **ternakan** di peringkat ladang pada tahun 1996 dijangka meningkat sebanyak 3.5% kepada RM4,241 juta berbanding RM4,097.1 juta pada tahun 1995. Peningkatan pengeluaran pula dijangka berpunca terutama daripada ternakan ayam yang meningkat sebanyak 4.9%. Pengeluaran ternakan khinzir pula dijangka kekal pada paras yang sama tahun 1995. Gabungan nilai peringkat ladang bagi kedua-dua sektor-kecil ini untuk tahun 1996 dianggarkan sebanyak

RM4,010 juta dan menyumbang lebih kurang 94.6% daripada jumlah hasil ternakan keseluruhannya. Pengeluaran **perikanan laut** dan **ternakair** bagi tahun 1996 dijangka meningkat sebanyak 3.7% daripada 1.224 juta tan metrik pada tahun 1995 kepada 1.270 juta tan metrik dalam tahun 1996.

Sektor Perlombongan

Diterajui oleh pertumbuhan pengeluaran industri gas asli yang menggalakkan sebanyak 22.4%, dan 9% pertumbuhan pengeluaran kuari, nilai ditambah sektor perlombongan pada tahun 1996 dijangka meningkat sebanyak 3.1% (1995: 9%). Tahap pengeluaran minyak mentah dijangka kekal pada tahap yang dicapai pada tahun 1995, manakala pengeluaran timah pula merosot sebanyak 1.6%. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan dijangka menyumbang sebanyak 2.8% kepada KDNK sebenar tahun 1996.

Minyak Mentah dan Gas

Pengeluaran minyak mentah termasuk kondensat (minyak yang diperolehi daripada proses pengeluaran gas asli) dijangka mencapai purata 706,000 tong sehari (tsh) pada tahun 1996, pertambahan sebanyak 0.1% berbanding 705,400 tsh pada tahun 1995. Kestabilan tahap ini adalah usaha mengawal pengeluaran rezab minyak mentah selaras dengan Dasar Susutan Negara.

Jadual 4.10

Pengeluaran Minyak Mentah dan Gas

	1995		1996 ^a	
	Jumlah	% Perubahan	Jumlah	% Perubahan
Minyak mentah (tsh) ¹	705,400	6.9	706,000	0.1
Gas asli (mscf/d) ²	2,839	20.5	3,475	22.4

¹ Termasuk bahan wap.

² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

^a Anggaran.

Sumber: PETRONAS

Pengeluaran minyak mentah pada tahun 1996 dianggarkan pada 630,000 tsh manakala minyak yang diperolehi dari proses pengeluaran gas asli (kondensat) dianggarkan pada 76,000 tsh. Ini memberikan jumlah purata pengeluaran minyak mentah sebanyak 706,000 tsh pada tahun 1996. Semenanjung Malaysia dengan 13 buah telaga minyak dijangka menyumbang 58.5% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan, sementara Sarawak yang mempunyai bilangan telaga minyak yang sama akan mengeluarkan 32.2% dan selebihnya 9.3% disumbangkan oleh Sabah dari tujuh buah telaga minyak.

Dengan wujudnya rezab yang besar, pengeluaran **gas asli** dijangka bertambah dengan mendadak sebanyak 22.4% pada tahun 1996 untuk memenuhi permintaan yang tinggi. Dengan anggaran pengeluaran sebanyak 4,320 juta kaki padu sehari (mscf/d), tahun 1996 akan menjadi tahun kedua berturut-turut di mana pertumbuhan pengeluaran melebihi 20% (1995: 20.5%). Dengan siapnya Loji Pemprosesan Gas (GPP) fasa 1, 2, 3 dan 4 serta jaringan pengedaran gas melalui projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU I, II dan III) dirasmikan, jumlah kapasiti pemprosesan gas diramalkan meningkat kepada 1,000 mscf/d. Loji Gas Asli Cecair Malaysia 1 dan 2 (MLNG 1 & MLNG 2) dengan kapasiti tahunan sebanyak 15.9 juta tan metrik telahpun siap pada hujung tahun 1995. Semua faktor ini akan menambah pengeluaran Gas Asli Cecair (LNG) untuk memenuhi permintaan yang meningkat dari pasaran Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Buat masa ini, MLNG mempunyai 11 pembeli dari seberang laut di mana semuanya merupakan kontrak jangka panjang.

Timah

Tahun 1996 dijangka menjadi tahun keenam berturut-turut di mana pengeluaran **timah** merosot, kali ini sebanyak 1.6% kepada 6,300 tan metrik (1995: -0.9%). Buat masa ini Malaysia menduduki tempat ke enam di kalangan negara-negara pengeluar timah terbesar dunia di belakang Indonesia, Peru, Brazil, Bolivia dan Australia. Pada akhir bulan Jun 1996, terdapat 43 buah lombong bijih timah yang beroperasi mengeluarkan 2,735 tan metrik timah berbanding 40 buah lombong pada akhir Jun tahun 1995 dengan pengeluaran

Jadual 4.11

Pengeluaran, Bilangan Lombong dan Pekerjaan Dalam Industri Perlombongan Timah

	1995	% Perubahan	1996*	% Perubahan
Pengeluaran ('000 tan metrik)	6.4	-0.9	6.3	-1.6
Bilangan lombong	40*	2.6	43*	7.5
Kapal korek	4*	0.0	5*	25.0
Pam kelikir	20*	5.3	19*	-5.0
Dedah dan lombong bawah tanah	16*	6.7	19*	18.8
Bilangan pekerja	1,928*	-8.4	2,073*	7.5

* Sehingga akhir Jun

* Anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan.

sebanyak 2,955 tan metrik. Sebanyak 51% hasil bijih timah yang dikeluarkan menggunakan kaedah pam kerikil (gravel). Penggunaan timah dalam negeri dijangka meningkat sebanyak 11.7% daripada 6,000 tan metrik pada tahun 1995 kepada 6,700 tan metrik pada tahun 1996. Penggunaan timah dalam industri pateri merupakan penggunaan timah terbesar dengan 59.7% daripada jumlah penggunaan, diikuti dengan industri sadur (16.4%), pewter (7.5%) dan penggunaan lain (16.4%).

Bahan-bahan Galian Lain

Pengeluaran mineral-mineral lain iaitu tembaga, bauksit dan bijih besi dijangka menunjukkan prestasi yang bercampur-campur pada tahun 1996. Pengeluaran bijih besi dijangka meningkat daripada 181,972 tan metrik pada tahun 1995 kepada 300,000 tan metrik atau 64.9% pada tahun 1996. Pengeluaran tembaga juga dijangka meningkat sebanyak 2.6% pada tahun 1996 daripada 87,727 tan metrik pada tahun 1995. Dalam pada itu, pengeluaran bauksit dianggarkan menurun

sebanyak 13.2% pada tahun 1996 daripada 184,433 tan metrik yang dikeluarkan pada tahun 1995 kepada 160,000 tan metrik.

Sektor Pembinaan

Nilai ditambah **sektor pembinaan** dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah iaitu 9% dalam tahun 1996, selepas mencatatkan pertumbuhan yang besar iaitu 17.3% dalam tahun 1995. Pertumbuhan sektor pembinaan yang perlahan diakibatkan sebahagian besarnya dari pertumbuhan pelaburan sektor awam dan swasta berkaitan yang sederhana mencerminkan kesan dari langkah yang diperkenalkan pada Oktober 1995 untuk mengurangkan spekulasi aset dan pembelian hartanah oleh pelabur asing. Peningkatan nilai ditambah sektor pembinaan dalam tahun 1996 dijangkakan diperolehi terutamanya dari mula pembinaan unit kediaman berharga rendah dan sederhana serta bangunan kilang. Aktiviti-aktiviti pembinaan bagi projek sektor awam kekal kukuh dalam tahun 1996, bertumpu terutamanya kepada projek-projek yang sedang dilaksanakan, memandangkan projek-projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh belum dapat dilaksanakan dalam tahun pertama rancangan berkenaan. Bagaimanapun, aktiviti-aktiviti pembinaan terus berjalan dengan giat yang memberikan kesan ke atas pemberian pendahuluan dan pinjaman bagi bangunan dan sektor pembinaan. Kadar pertumbuhan tahunan pinjaman sistem perbankan untuk bangunan dan pembinaan berkembang daripada 21% pada akhir Ogos 1995 kepada 26.9% pada akhir Ogos 1996. Pada kadar pertumbuhan 9%, industri pembinaan dijangka menyumbangkan 4.9% kepada pertumbuhan KDNK dan merupakan 4.5% daripada keseluruhan nilai ditambah domestik dalam tahun 1996.

Pembinaan dimulakan bagi **bangunan kediaman** kekal kukuh walaupun kurang meningkat berbanding tahun 1996, dipengaruhi terutamanya oleh pembinaan dimulakan yang rendah bagi harta kediaman berharga tinggi. Keadaan ini dapat dilihat dari penurunan kadar pertumbuhan pinjaman dan pendahuluan dari bank-bank perdagangan untuk pembelian rumah dari 13.9% setakat Ogos 1995

kepada 9.7% setakat Ogos 1996. Permintaan di dalam industri perumahan yang dijangkakan perlahan, ditunjukkan dari pengeluaran permit iklan dan jualan menurun pada kadar 7.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 1996 berbanding dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Unit rumah yang diluluskan untuk pembinaan oleh pemaju swasta yang diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menurun 24.2% kepada 58,009 unit dalam lapan bulan pertama 1996 berbanding tempoh yang sama tahun 1995. Pembinaan yang dimulakan bagi hartanah kediaman harga tinggi terutamanya apartmen dan kondominium telah dipengaruhi oleh margin kemudahan kewangan sehingga 60% untuk pembelian rumah-rumah dan apartmen berharga melebihi RM150,000 dan penetapan levi RM100,000 ke atas setiap pembelian hartanah bernilai RM250,000 dan ke atas oleh pelabur asing dalam bulan Oktober tahun 1995.

Pembinaan yang dimulakan untuk skim perumahan harga rendah dan sederhana bagaimanapun, kekal aktif memandangkan projek perumahan seperti ini disarankan secara aktif dan perkembangannya dikesan oleh Kerajaan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah berpeluang membeli rumah. Di samping menekankan kepada pemaju swasta untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam tanggungjawab menyediakan rumah kos rendah dan sederhana, Kerajaan terus mengambil langkah tertentu bertujuan mempercepatkan pembangunan dan pembelian rumah-rumah kos rendah dan sederhana. Untuk meningkatkan penawaran rumah, KWSP terlibat di dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana. KWSP telah mengenalpasti dua projek untuk dilaksanakan. Projek-projek berkenaan ialah lot seluas 59 ekar di Nibong Tebal, Pulau Pinang dan lot seluas 106 ekar di Rantau Panjang, Selangor di mana 5,820 unit rumah kos rendah dan sederhana akan dibina. Pada masa ini, KWSP telah membeli tanah di kawasan-kawasan bersesuaian untuk membina lebih banyak unit rumah. Sebagai langkah memudahkan pemilikan rumah, semenjak 1995 Kerajaan telah melonggarkan syarat kepada pencarum-pencarum KWSP untuk mengeluarkan sehingga 30% dari caruman mereka bagi menyelesaikan pinjaman perumahan.

Dalam usaha meningkatkan penawaran rumah yang lebih termampu, tiga tabung telah diwujudkan. Tabung pertama ialah **Tabung Perumahan Untuk Termiskin (TPUT)**. Skim ini disediakan untuk membina rumah kos rendah di kawasan bandar untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan yang terlibat dengan penempatan semula setinggan. Peruntukan sebanyak RM600 juta untuk skim ini diperolehi dari peruntukan Kerajaan sebanyak RM300 juta dan bakinya disumbangkan oleh institusi kewangan dan perbadanan sektor swasta. Pada akhir bulan September 1996, 27 projek yang mengandungi 14,721 unit rumah pangsa kos rendah yang bernilai RM573.26 juta telah diluluskan dan berada di dalam berbagai peringkat pembinaan. Tiga dari projek ini, berjumlah 845 unit telah disiapkan dan didalam proses untuk disewakan pada kadar yang nominal iaitu diantara RM120-124 sebulan kepada mereka yang berkelayakan. Projek-projek berkaitan adalah di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur; Peringgit di Melaka dan Baling di Kedah.

Tabung kedua ialah **Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah (TMPKR)** berikutan Belanjawan 1994. Tabung berkenaan mengandungi peruntukan RM500 juta sebagai kemudahan pinjaman yang disediakan oleh Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia untuk disalurkan kepada bank-bank perdagangan sebagai kemudahan pinjaman pada kadar 2% kepada pemaju-pemaju berkelayakan membina rumah kos rendah. Sehingga akhir Ogos 1996, sejumlah RM416.8 juta telah digunakan untuk membina 23,466 unit rumah kos rendah di dalam 58 projek. Daripada jumlah ini, enam projek mengandungi 1,531 unit rumah telah disiapkan.

Tabung ketiga iaitu **Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah (TPPKR)** dilancarkan dalam bulan Ogos 1994, dengan peruntukan asal sebanyak RM500 juta telah ditingkatkan kepada RM1bilion. Dalam Belanjawan 1996, tabung ini telah ditingkatkan kepada RM2 bilion kewangannya bagi pembangunan campuran yang mengandungi rumah kos tinggi, sederhana dan rendah. Keuntungan dari jualan unit perniagaan dan perumahan kos tinggi akan digunakan untuk membantu pembinaan rumah kos sederhana dan kos rendah. Sehingga kini, Tabung ini telah mengenalpasti untuk pembinaan 30 projek di Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sabah berjumlah 90,492 unit pembangunan bercampur dengan nilai jualan berjumlah RM3.9 bilion.

Pembinaan dimulakan bagi bangunan kediaman dalam tahun 1996 sebahagiannya dirangsang oleh pemulihan projek yang telah ditinggalkan terbengkalai oleh pemaju-pemaju perumahan semenjak 1983 sehingga bulan Jun 1996. Dari 462 projek yang terbengkalai dalam tempoh berkenaan, 271 projek yang melibatkan 50,953 unit rumah telah siap dibina sementara 55 projek pada masa ini berada di dalam berbagai peringkat pemulihan. Pembangunan projek-projek ini sebahagiannya mendapat kemudahan kewangan dari **Tabung Projek Perumahan Terbengkalai** yang ditubuhkan pada tahun 1990 dan ditadbirkan oleh Bank Negara Malaysia. Tabung ini telah mengeluarkan RM306.3 juta setakat bulan September tahun 1996. Semenjak diperkenalkan, 59 projek dengan jumlah 14,217 unit rumah yang mana melibatkan 11,185 pembeli telah berjaya dipulihkan.

Pembinaan dimulakan bagi **bangunan perniagaan** seperti kompleks pejabat, kompleks perniagaan dan hotel dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan, memandangkan perkembangan pesat projek-projek ini dalam beberapa tahun lepas yang telah menyebabkan berlaku lebihan penawaran terutamanya ruang pejabat. Setakat Jun 1996, 1.31 juta meter persegi berbagai bangunan perniagaan yang mengandungi hotel (41,235 meter persegi), kompleks perniagaan (404,000 meter persegi), kompleks pejabat (422,000 meter persegi) dan kompleks industri berada dalam pembinaan di Kuala Lumpur. Dari segi penawaran ruang pejabat, sebanyak 510,00 meter persegi daripada sembilan projek dianggarkan dapat disiapkan sehingga akhir tahun 1996, diantaranya Menara Berkembar Petronas, dengan 262,000 meter persegi, yang merupakan separuh dari jumlah tersebut. Diantara beberapa projek besar lain yang dijadualkan siap pada akhir tahun 1996 ialah Menara Esso (52,024 meter persegi), Menara Weld (24,154 meter persegi), Menara Dion (27,870 meter persegi), Plaza 138 (13,006 meter persegi), Heritage House (8,175 meter persegi) dan Puncak Bangsar (7,804 meter persegi). Apabila projek-projek ini disiapkan, jumlah penawaran ruang pejabat kelas pertama di Kuala Lumpur akan mencapai 3.5 juta meter persegi.

Di luar Kuala Lumpur, pembinaan pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan di Putrajaya bermula dalam bulan Disember 1995 dengan kerja-kerja tapak dan kerja tanah. Projek ini dan pembinaan yang dimulakan bagi beberapa projek bangunan bukan-kediaman di seluruh

negara akan mengurangkan kesan pertumbuhan yang perlahan aktiviti-aktiviti pembinaan dalam sektor bukan-kediaman, yang mana dijangka akan menerima kesan dari situasi lebih penawaran terutamanya ruang pejabat. Di Selangor, projek-projek di dalam pembinaan ialah Damansara Uptown (76,178 meter persegi), Pusat Perniagaan Amcorp (30,449 meter persegi), Kelana Centre Point Office (34,016 meter persegi) dan Menara PKNS di Petaling Jaya. Sementara itu di Shah Alam, projek-projek besar yang sedang dibina ialah Menara Masallan (25,083 meter persegi) dan UMNO Tower Block (15,793 meter persegi). Sementara di negeri-negeri lain, Johor Baru tambahan sebanyak 26,000 meter persegi ruang pejabat dan 160,000 meter persegi ruang perniagaan sedia diduduki pada akhir 1996. Ini termasuklah Best World (47,100 meter persegi), Pelangi City (36,500 meter persegi) dan Menara Jati (19,500 meter persegi). Di Sabah, projek bangunan pejabat yang telah diluluskan ialah Wisma Petronas dan Wisma 2020 di Kota Kinabalu dan Kompleks Perniagaan Bintang Jaya dan Imperial Mall/Apartment di Miri.

Pembinaan yang dimulakan bagi **tapak-tapak industri** kekal kukuh, mencerminkan peningkatan yang agak ketara dari segi jumlah dan nilai projek-projek industri yang diluluskan oleh MIDA sejak 1994. Beberapa tapak perindustrian terutamanya untuk industri kecil dan sederhana berada di dalam berbagai peringkat pembinaan iaitu di Mukim Batu di Kuala Lumpur, Seri Alam (Johor), Pedas (Negri Sembilan), Jaya Gading dan Telok Kalung (Trengganu), dan Kuala Kangsar (Perak).

Pembinaan baru dalam **sektor kecil kejuruteraan awam** diramalkan perlahan ekoran dari projek-projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dijangka tidak dapat dilaksanakan dalam tahun pertama tempoh berkenaan. Bagaimanapun, pertumbuhan dalam sektor kecil berkenaan dikekalkan dari pelaksanaan beberapa projek seperti Lebuhraya Shah Alam, Lingkaran Tengah Utara-Selatan yang dijadualkan siap sepenuhnya dalam tahun 1997/98 dan fasa satu Laluan Transit Ringan (LRT), sepanjang 12 kilometer dari Ampang ke Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Beberapa projek

infrastruktur yang berada dalam peringkat pembinaan ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang dijangka dapat digunakan pada 1 Januari 1998, dan kemudahan Sukan Komanwel. Sehingga akhir Ogos 1996, projek luar dan dalam stadium serta kompleks renang bagi Sukan Komanwel dilaksanakan mengikut jadual. Fasa dua LRT, yang menyambungkan Subang di barat Kuala Lumpur dengan Gombak di timur Kuala Lumpur melalui pusat perniagaan, sepanjang 29 km. sedang dibina dijangka disiapkan dalam tahun 1998. Di antara projek-projek lain yang akan dibina ialah Empangan Hidroelektrik Bakun, projek Lingkaran Kereta Api, Lebuhraya Pantai Barat dan Lebuhraya Selatan Lembah Klang serta pembinaan 174.7 km laluan-berkembar dari Rawang ke Ipoh, yang berharga RM1.8 bilion. Dalam jangka masa dekat, pembinaan projek-projek infrastruktur berkenaan dijangka dapat mendorong pertumbuhan sektor pembinaan.

Sektor Perkhidmatan

Ekoran pertumbuhan sektor pertama dan kedua ekonomi serta perdagangan luar yang sederhana, nilai ditambah dalam **sektor perkhidmatan** dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah iaitu 8.9% (1995: 9.4%). Faktor yang mendorong pertumbuhan sektor perkhidmatan dalam tahun 1996 sebagaimana beberapa tahun lalu, ujud dari usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan sektor perkhidmatan. Langkah ini dijangka akan mengurangkan defisit akaun perkhidmatan di dalamimbangan pembayaran, mengatasi kekangan infrastruktur dan menyediakan sektor perkhidmatan melalui langkah liberalisasi untuk bersaing di peringkat antarabangsa sejajar dengan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (General Agreement on Trade in Services) (GATS). Keadaan ini telah meningkatkan usaha pengembangan kapasiti dan program-program pemodenan dalam sektor kecil perkhidmatan yang penting seperti pengangkutan darat, laut dan udara, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan termasuk insurans dan insurans semula, pelancongan, pendidikan dan perkhidmatan perniagaan profesional. Dengan nilai ditambah sektor perkhidmatan diramalkan berkembang pada

RENCANA 4

Tabung Khas Perumahan Kos Rendah

I. Pendahuluan

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada program pembangunan perumahan untuk memastikan semua rakyat Malaysia, terutama golongan berpendapatan rendah dapat memiliki rumah yang cukup, mampu dibeli dan berkualiti. Selari dengan objektif ini, maka sektor awam dan swasta telah membina 647,460 buah rumah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) di mana 222,672 buah atau satu pertiga daripadanya adalah kos rendah. Untuk meningkatkan peruntukan rumah kos rendah, pihak Kerajaan telah menubuhkan tiga buah tabung khas untuk membantu mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah. Rencana ini menerangkan pengurusan ketiga-tiga tabung ini dan menilai pencapaiannya setakat ini.

II. Tabung Khas Perumahan Kos Rendah

Terdapat tiga buah tabung khas yang telah ditubuhkan, iaitu:

- (a) Tabung Perumahan Untuk Termiskin;
- (b) Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah (TMPKR); dan
- (c) Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah (TPPPKR).

(a) Tabung Perumahan Untuk Termiskin

Penghijrahan penduduk ke bandar telah menimbulkan tekanan terhadap keperluan perumahan, terutamanya di pusat-pusat bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bharu. Tekanan ini juga telah menyebabkan wujudnya kawasan perumahan setinggan. Sebagai langkah untuk mengurangkan bilangan setinggan di samping menyediakan perumahan kepada golongan termiskin di bandar, Tabung Perumahan Untuk Termiskin telah ditubuhkan, berjumlah RM600 juta. Kerajaan Persekutuan menyumbang RM300 juta kepada Tabung ini sementara selebihnya disumbangkan oleh institusi-institusi kewangan dan badan korporat lain dari sektor swasta. Di bawah Skim ini, bantuan akan diberi kepada Kerajaan Negeri atau Dewan Bandaraya

Jadual I

Jumlah Diluluskan Bagi RM600 Juta
Dana Perumahan Untuk Rakyat Termiskin
Sehingga 30 September 1996

Negeri	Bilangan Projek	Bil. Unit	% daripada Jumlah Keseluruhan	Jumlah Diluluskan (RM juta)
Kuala Lumpur	7	5,273	35.8	225.20
Johor	1	1,502	10.2	48.45
Sabah	2	1,462	9.9	50.85
Pulau Pinang	2	1,441	9.8	61.73
Selangor	1	1,152	7.8	49.43
Terengganu	4	955	6.5	37.35
Perak	2	868	5.9	30.46
Kedah	3	758	5.1	22.43
Melaka	2	720	4.9	26.20
Sarawak	1	250	1.7	10.00
Negeri Sembilan	1	190	1.3	5.00
Perlis	1	150	1.0	6.16
JUMLAH	27	14,721	100.0	573.26

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(bagi Kuala Lumpur) untuk membina rumah pangsa kos rendah yang berkepadatan tinggi untuk disewa bagi tempoh lima tahun, pada kadar paling nominal iaitu RM120 sebulan. Di Kuala Lumpur, kadar sewa yang lebih tinggi sedikit dikenakan, iaitu RM124 sebulan. Penyewaan unit-unit ini bertujuan membenarkan golongan termiskin untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka supaya membolehkan mereka membeli rumah sendiri di kemudian hari.

Seperti ditunjukkan dalam **Jadual I**, 27 projek melibatkan 14,721 unit rumah pangsa kos rendah bernilai RM573.26 juta telah diluluskan. Daripada jumlah keseluruhan unit, lebih separuh daripadanya adalah di dalam kawasan bandar, terutamanya Kuala Lumpur (35.8%), Johor (10.2%) dan Pulau Pinang (9.8%). Dari segi kemajuan perlaksanaan, semua projek telah dimulakan dan sekarang berada pada tahap pelaksanaan yang berbeza. Sehingga kini, tiga buah projek telah siap dan 865 buah keluarga telah mendapat faedah daripadanya, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual II**.

Jadual II

**Projek Yang Telah Siap Di bawah
Tabung Perumahan Untuk
Termiskin**

<i>Lokasi projek</i>	<i>Bilangan Unit</i>	<i>Tarikh Siap</i>
Jalan Jelatek, K.Lumpur	441	Jun 1996
Peringgiti, Melaka	344	September 1996
Baling, Kedah	80	September 1996

Sumber: Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

(b) Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah (TMPRKR)

Sementara unit yang dibina di bawah Tabung Perumahan Untuk Termiskin adalah untuk disewa, Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah (TMPRKR) menyediakan kemudahan pembiayaan yang menarik kepada pemaju perumahan untuk membina rumah kos rendah. Tabung ini diperuntukan sebanyak RM300 juta semasa ia dilancarkan dalam Belanjawan 1994. Jumlah ini telah dinaikkan kemudiannya kepada RM500 juta. Melalui tabung ini, pinjaman disediakan kepada bank-bank perdagangan pada kadar faedah 0.5% untuk dipinjamkan kepada pemaju pada kadar faedah nominal 2% setahun sebagai pembiayaan sementara. Tabung ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan sejak ia diperkenalkan, pinjaman berjumlah RM416.8 juta telah diluluskan sehingga akhir bulan Ogos 1996 kepada sektor swasta untuk membiayai

Jadual III

Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Projek</i>	<i>Bil. Unit</i>	<i>% Daripada Jumlah Keseluruhan</i>	<i>Bil. Projek Telah Disiapkan* (# unit)</i>	<i>Jumlah Diluluskan (RM juta)</i>
Selangor	15	6,379	27.2	1 (180)	112.1
Johor	11	6,130	26.1	2 (778)	105.8
P.Pinang	10	3,861	16.4	1 (250)	62.3
K. Lumpur	3	2,512	10.7	—	59.5
Pahang	4	1,142	4.8	—	12.9
Sabah	2	687	3.0	—	14.4
Perak	4	646	2.8	1 (129)	6.0
Terengganu	1	558	2.4	—	13.3
N.Sembilan	4	469	2.0	—	9.4
Sarawak	1	338	1.4	—	12.9
Kedah	1	321	1.4	—	4.3
Melaka	2	423	1.8	1 (194)	3.9
TOTAL	58	23,466	100.0	6 (1,531)	416.8

Nota : *Projek yang diberi Sijil Layak Diduduki (CF) dikira telah siap

Sumber : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; SPPK

Jadual IV
Hartanah Dirancang Di Bawah
Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah sehingga
31 Ogos 1996

Negeri	Bil. Projek	Bilangan Unit				Peratus Kos Sederhana & Rendah (%)	Nilai Jumlah Jualan (RMJuta)
		Bangunan Komersial	Kos Tinggi	Kos Sederhana	Kos Rendah		
Selangor	14	3,143	2,604	15,814	22,050	86.8	1,928
P.Pinang	12	1,310	2,259	10,933	9,008	84.8	943
Johor	3	698	1,804	8,034	11,257	88.5	924
Sabah	1	84	328	420	746	73.8	111
JUMLAH	30	5,235	6,995	35,201	43,061	86.4	3,906

Sumber: TPPT Sdn Bhd

pembinaan 23,466 unit rumah kos rendah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual III. Daripada 58 projek, enam projek telahpun siap yang memberi faedah kepada 1,531 buah keluarga.

(c) Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah (TPPKR)

Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah (TPPKR) telah dilancarkan dengan jumlah sebanyak RM500 juta pada tahun 1994 dan seterusnya dinaikkan kepada RM1 bilion. Dalam Belanjawan 1996, jumlah tabung ini telah dinaikkan lagi dan kini berjumlah RM2 bilion. Tabung ini membiayai pembinaan kawasan perumahan yang terdiri dari bangunan komersial, rumah-rumah kos tinggi, sederhana dan rendah. Keuntungan yang diperolehi daripada penjualan bangunan komersial dan kos tinggi akan digunakan sebagai subsidi kepada pembinaan rumah-rumah kos sederhana dan rendah. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual IV, dari jumlah 90,492 unit yang akan dibina, 78,262 unit atau 86.4% terdiri daripada unit-unit rumah kos sederhana dan rendah. Hingga pada akhir bulan Ogos 1996, lapan projek telah memulakan pembinaan melibatkan 15,403 unit di mana 7,934 unit atau 51.5% adalah kos rendah dan kos sederhana rendah, dengan harga jualan dalam lingkungan RM25,000 hingga RM60,000 sebuah.

III. Sistem Pendaftaran Terbuka

Dalam usaha untuk memastikan rumah kos rendah tersebut diperolehi oleh golongan pendapatan layak, Kerajaan telah memulakan sistem pendaftaran terbuka. Di bawah sistem ini,

calon yang berkecayaan perlu mendaftar terlebih dahulu dengan kerajaan negeri di mana mereka ingin menyewa atau membeli rumah atau rumah pangsa kos rendah.

Untuk rumah pangsa kos rendah yang disewa, hanya mereka yang berpendapatan seisi rumah sebanyak RM500 sebulan dan ke bawah yang layak dipertimbangkan. Di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain, disebabkan oleh kos sara hidup yang lebih tinggi, kadar pendapatan isi rumah ini dinaikkan ke paras lebih tinggi. Begitu juga dengan kelayakan untuk membeli rumah kos rendah, pemilihan pembeli berkecayaan didasarkan kepada sistem pendaftaran terbuka.

Di bawah sistem pendaftaran terbuka, pemohon akan diminta mengemukakan segala maklumat berkaitan antara lain, umur mereka, pendapatan isi rumah, saiz keluarga dan tempat kerja. Pemohon-pemohon yang rumah mereka dirobohkan untuk tujuan pembangunan atau musnah kerana bencana alam, akan diberi keutamaan yang lebih. Semua maklumat ini akan menentukan kedudukan pemohon. Pemohon-pemohon yang disenaraipendek akan ditemuduga untuk memastikan kebenaran maklumat yang diberikan dan kadangkala lawatan ke rumah pemohon juga dibuat. Proses teliti melalui pendaftaran terbuka, temuduga dan menyiasat latarbelakang ini adalah untuk memastikan hanya pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukan rumah akan mendapat rumah kos rendah. Sistem pendaftaran di negeri-negeri dijangkakan akan dapat disatukan di dalam satu pusat pendaftaran untuk memastikan perumahan kos rendah benar-benar dimanfaatkan kepada golongan sasaran.

kadar yang lebih tinggi dari purata sebenar pertumbuhan KDNK dalam tahun 1996, sumbangan kepada KDNK sebenar dijangka meningkat daripada 44.3% dalam tahun 1995 kepada 44.6% dari jumlah KDNK.

Sektor kecil di dalam sektor perkhidmatan yang dijangkakan mencatat pertumbuhan pada kadar yang lebih tinggi secara relatif ialah pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; elektrik, gas dan air; kewangan, insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan, serta perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Kadar pertumbuhan sektor kecil dan sumbangan masing-masing kepada KDNK ditunjukkan seperti di dalam Jadual 4.12.

Meskipun pertumbuhan pada kadar melebihi 9% dalam tahun-tahun kebelakangan ini, secara relatif sektor perkhidmatan masih menumpu kepada pasaran dalaman dan bergantung kepada sektor pertama dan kedua untuk berkembang. Masih ujud kekurangan upaya untuk mengeksport perkhidmatan dan menggantikan import perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan pengangkutan dan insurans, pendidikan dan perkhidmatan profesional, termasuk perkhidmatan kewangan. Sebaliknya, sumbangan kepada KDNK sebenar kekal pada tahap lebihkurang 44% dalam tahun kebelakangan ini, jauh lebih rendah dari kadar 60-70% di negara-negara maju. Masih terdapat skop yang besar untuk sektor perkhidmatan berkembang memandangkan import perkhidmatan yang besar dan pasaran untuk perdagangan perkhidmatan di rantau ini semakin berkembang. Usaha-usaha yang berkesan amat perlu untuk membolehkan sektor perkhidmatan berkembang ke arah industri yang menghasilkan pertukaran asing yang memberangsangkan serta sebagai pemangkin pertumbuhan masa hadapan.

Sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka iaitu 13.2% dalam tahun 1996 (1995: 13.9%). Pertumbuhan dalam sektor kecil ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pelaburan yang berterusan dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk memperbaiki, mengembangkan dan memodenkan sistem pengangkutan darat, laut dan udara termasuk pembangunan pelabuhan seperti Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang, dan sistem telekomunikasi. Bilangan pendaftaran kenderaan perdagangan yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan meningkat 9.0% dalam

tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. (Januari-Ogos 1995: 10.9%). Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah menyediakan perkhidmatan ke 104 destinasi pada akhir Ogos 1996, di mana dari jumlah tersebut 68 adalah penerbangan antarabangsa.

Perkhidmatan kereta api dan program-program pembangunannya ditumpukan ke arah mempertingkatkan kapasiti mengangkut dan memajukan keselamatan operasi bagi kedua-dua perkhidmatan pengangkutan dan penumpang. Di antara projek-projek utama yang dijalankan termasuk projek laluan-berkembar letrik, kerja-kerja pemulihan landasan dan pemodenan sistem signal dan komunikasi. Dengan program baikpulih tersebut dan pengenalan perkhidmatan kereta api letrik Komuter, jumlah penumpang perkhidmatan kereta api telah meningkat tiga kali ganda iaitu

Jadual 4.12
Prestasi Sektor Perkhidmatan Pada Harga Tetap Tahun 1978 (%)

<i>Sektor kecil</i>	<i>Sumbangan Kepada KDNK</i>		<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan</i>	
	<i>1995</i>	<i>1996^a</i>	<i>1995</i>	<i>1996^a</i>
Elektrik, Gas dan Air	2.3	2.4	13.1	12.1
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	7.4	7.7	13.9	13.2
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel dan Restoran	12.3	12.4	10.1	9.5
Kewangan Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10.8	10.9	10.5	10.0
Perkhidmatan Kerajaan	9.5	9.1	3.9	4.0
Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	2.1	2.0	7.8	4.5
JUMLAH	44.3	44.6	9.4	8.9
^a Anggaran				

dari 2.85 juta penumpang dalam tempoh Januari-Julai tahun 1995 kepada 9.1 juta penumpang dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sementara itu, kadar pertumbuhan hasil penumpang meningkat kepada 35.9% berbanding tempoh yang sama dalam tahun 1995 (Januari-Julai 1995: -3.8%). Keupayaan pengendalian kargo pula adalah pada kadar 3.3% (Januari-Julai 1995: 6.7%). Kerajaan juga telah mencadangkan pembinaan laluan berkembar kereta api dari Rawang ke Ipoh yang berharga lebih kurang RM1.8 bilion. Sementara itu, Transit Aliran Ringan (LRT) dari Ampang ke Jalan Sultan Ismail telah disiapkan dan perkhidmatan percubaan telah dimulakan pada bulan Ogos 1996. Sistem 2 LRT didalam peringkat pembinaan dan fasa 1 akan disiapkan dalam tahun 1998.

Kemudahan pelabuhan sedia ada telah dinaiktaraf dan dibangunkan untuk memenuhi permintaan sektor perdagangan yang semakin meningkat. Jumlah kargo yang dikendalikan oleh lapan pelabuhan utama meningkat sebanyak 18.5% dari Januari-Julai 1996 (Januari-Julai 1995: 11.4%). Pertambahan ini disumbangkan terutamanya oleh kargo kontena dan caira. Sementara itu jumlah kontena yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan berkenaan telah meningkat sederhana sebanyak 17.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 20.5%).

Usaha-usaha untuk memperbaiki kecekapan dan produktiviti operasi pelabuhan dan juga pengendalian kargo dan kapal-kapal di pelabuhan dilaksanakan melalui Skim Keutamaan Penggunaan Dermaga, Sistem Pemeriksaan Lebih Awal Imigresen (AICS), dan pemeriksaan lebih awal kastam untuk operasi kontena dan konsep Pertukaran Data Elektronik (EDI). Sementara itu, pewartaan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang sebagai zon perdagangan bebas akan menjadi daya tarikan kepada Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan.

Berikutan pemodenan di dalam sektor kecil telekomunikasi yang mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah, pertumbuhan di dalam sektor kecil ini dijangka akan terus meningkat. Pada masa ini penekanan beralih dari penyediaan kemudahan asas telefon kepada perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah. Lesen-lesen dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha baru untuk menyediakan perkhidmatan jaringan asas,

laluan antarabangsa, radio mudahalih awam, satelit dan perkhidmatan Very Small Aperture Terminal (VSAT). Paging, selular dan perkhidmatan nilai ditambah yang lain disediakan untuk meningkatkan persaingan serta kecekapan perkhidmatan ini. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1996, 3.5 juta pelanggan telah menerima kemudahan telefon dalam berbagai kategori.

Dalam tahun 1996, sektor telekomunikasi juga menyaksikan pelancaran satelit pertama Malaysia, Measat 1 dan juga pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC). Measat 1 akan meningkatkan lagi keupayaan Malaysia dalam bidang telekomunikasi; dengan ini Malaysia dijangkakan mendapat kemudahan terus dari Syarikat Radio dan Televisyen Seluruh Asia (ASTRO), 23 saluran televisyen dan lapan saluran radio. Pembangunan MSC pula akan merupakan pemangkin untuk Malaysia ke hadapan dalam pembangunan teknologi maklumat.

Nilai ditambah **sektor kecil kewangan, insuran, hartanah (termasuk kediaman-kediaman yang didiami oleh pemilik) dan perkhidmatan perniagaan** dijangka akan berkembang pada kadar 10.0% dalam tahun 1996 (1995: 10.5%). Pertumbuhan sektor kecil ini adalah dari pengembangan kemudahan kecairan dan kekuatan kredit industri perbankan, kemajuan industri insurans yang meningkat dan perolehan pasaran modal yang tinggi dalam separuh tahun pertama 1996. Pinjaman dan pendahuluan yang dikeluarkan oleh sistem bank berkembang pada kadar 16.1% dalam lapan bulan pertama 1996 (Januari-Ogos 1995: 17.1%). Perkhidmatan yang disediakan oleh sistem bank juga telah diperkembangkan skopnya menerusi pemakaian peraturan sistem dua kumpulan kepada bank perdagangan dan syarikat kewangan dalam tahun 1996. Ini membolehkan institusi bank memperolehi keperluan minima modal dan kriteria yang dikenakan di bawah rangka CAMEL untuk menawarkan perkhidmatan aktiviti perbankan yang lebih luas dan pengendalian aspek-aspek tertentu operasi yang lebih liberal.

Pertumbuhan industri insurans yang menggalakkan juga dijangkakan ekoran dari asas pengguna yang besar dan pengembangan keupayaan terutamanya dalam perniagaan insurans semula. Jumlah pendapatan premium insuran nyawa dan am meningkat sebanyak 19.0% dalam separuh tahun pertama 1996 (1995: 20.4%). Dengan kelulusan Akta Insuran 1996, pemegang-

pemegang polisi akan memperoleh perlindungan yang lebih baik memandangkan syarikat-syarikat insuran perlu memperkukuhkan kedudukan kewangan mereka dan beroperasi mengikut garis panduan dan prinsip-prinsip yang ditetapkan. Keadaan ini akan membolehkan syarikat-syarikat insuran menarik lebih ramai pemegang polisi. Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur dalam lapan bulan pertama tahun 1996 meningkat berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1995. Jumlah saham yang diniagakan berjumlah 45.3 bilion saham bernilai RM 294.3 bilion dalam lapan bulan pertama tahun 1996 menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan pada kadar 33.4% dari segi jumlah dan 64.5% dari segi nilai berbanding tempoh yang sama dalam tahun 1995. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, jumlah tabungan telah meningkat secara langsung dengan pasaran modal sebanyak RM20.4 bilion, 64.2% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun 1995. Sokongan polisi yang berterusan dengan memperkukuhkan khidmat perantaraan kewangan serta meliberalisasi peraturan pasaran kewangan dan modal bertujuan membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan di rantau ini.

Sektor hartanah terus mengalami perkembangan yang memberangsangkan dalam tahun 1996 memandangkan pelaburan dalam hartanah merupakan pilihan yang digemari oleh pelabur asing dan tempatan sebagai langkah untuk mengatasi dari inflasi dan mengekalkan nilai modal. Sejumlah 156,213 pindahmilik bernilai RM27.8 bilion didaftarkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, iaitu peningkatan sebanyak 10.7% dan 31.6% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan sebanyak 33.5% pinjaman bersih yang diberikan oleh sistem bank kepada sektor hartanah dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 berbanding tempoh yang sama dalam tahun 1995 menggambarkan pertumbuhan yang baik dalam sektor berkenaan.

Permintaan pengguna dalam negeri yang kukuh dari pendapatan bolehguna yang tinggi dan pertumbuhan pelancong yang tinggi merupakan sumber utama pertumbuhan **sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran**, yang dijangka mencatatkan pertumbuhan 9.5% dalam tahun 1996 (1995: 10.1%). Pertumbuhan yang lebih sederhana perdagangan borong dan runcit dapat dikesan dari petunjuk seperti jualan makanan yang mana telah meningkat

11.2% dan jualan television yang meningkat pada kadar 1.7% dan pembelian peti sejuk oleh isirumah meningkat pada 15% dari Januari-Julai 1996 (Januari-Julai 1995: 10.4%, 75.4% dan 15.4% masing-masing). Perniagaan hotel dan restoran dijangka kekal kukuh dalam tahun 1996 dengan 8.7 juta pelancong dianggarkan melawat Malaysia dalam tahun 1996, iaitu pertambahan sebanyak 16.0% berbanding tahun 1995. Untuk menampung keperluan ini, lebih kurang 1,276 hotel (yang melebihi 10 buah bilik) menawarkan 88,585 buah bilik dijangka dapat disediakan dalam tahun 1996, iaitu pertambahan penawaran bilik hotel sebanyak

Jadual 4.13

**Petunjuk-Petunjuk Prestasi
Pertumbuhan Untuk Pengangkutan,
Penyimpanan, Telekomunikasi,
Elektrik dan Bekalan Air
(% perubahan tahunan)**

	<i>Januari-Julai</i> <i>1995 1996</i>	
Penerbangan Malaysia		
Hasil kargo	43.7	15.6
Hasil penumpang	16.4	12.8
KTM Berhad		
Hasil kargo	5.4	5.3
Hasil penumpang	-3.8	35.9
Lapan Pelabuhan Utama		
Pengendalian kargo	11.4	18.5
Kontena kargo	20.5	17.6
Syarikat Telekom Malaysia Berhad		
Jumlah pengguna	18.4	16.3
Pengguna telefon selular*	61.9	31.9
Tenaga Nasional Berhad		
Penggunaan letrik	14.9	11.5
Penjanaan letrik**	32.8	7.1
Jabatan Kerja Raya		
Penggunaan air	14.9	12.9
Kapasiti bekalan air**	8.9	4.9

Catatan: * hanya termasuk Mobikom, Celcom dan Telekom

** untuk seluruh tahun

Sumber: MAS, KTM, pelbagai pelabuhan, TMB, TNB dan JKR

15.9%. 56 hotel baru dengan jumlah tambahan bilik sebanyak 12,212 dijangka dapat dibekalkan dalam tahun 1996. Pertumbuhan 28.6% cukai jualan yang dikutip dalam lapan bulan pertama 1996 (Januari-Ogos 1995: 20%) menunjukkan pertumbuhan perniagaan hotel dan restoran yang menggalakkan. Sebahagian dari strategi menyeluruh untuk memperbaiki defisit akaun semasa imbalan pembayaran, RMK7 mengenalpasti pelancungan sebagai pendapatan pertukaran asing yang penting. Ke arah ini perkhidmatan pembangunan pelancongan telah dirangka untuk menumpu ke arah perkembangan pelbagai aktiviti, pengeluaran dan pasaran. Salah satu aktiviti untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan ialah program Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) yang dijangka merupakan salah satu sumber pertumbuhan utama sektor pelancongan. Ia dilihat sebagai pasaran untuk pelancong berpendapatan tinggi dan berpotensi menarik pelancong yang lebih ramai dan berkualiti ke Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus memberi sokongan kepada sektor swasta dalam usaha menimbulkan kesedaran yang lebih tinggi tentang keupayaan Malaysia mengendalikan mesyuarat, konvensyen dan pameran peringkat antarabangsa.

Pertumbuhan **sektor kecil perkhidmatan Kerajaan** dijangka berada pada kadar kekal 4% sebagaimana tahun 1995. Pertumbuhan yang sederhana ini dipengaruhi oleh bayaran tunggakan penyelarasan gaji dan pertambahan peruntukan terutama untuk pembangunan sumber manusia, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Nilai ditambah **sektor kecil elektrik, gas dan air** dijangka meningkat sebanyak 12.1% pada tahun 1996 (1995: 13.1%). Pertumbuhan yang kukuh sektor kecil ini didorong oleh pengembangan asas pengguna, kesan dari kepesatan perindustrian dan urbanisasi, di samping pengembangan keupayaan. Penggunaan elektrik diramalkan meningkat sebanyak 11.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai, 1995: 14.9%) sementara keupayaan janakuasa dijangka meningkat pada kadar 7.1% (1995: 32.8%) berikutan peningkatan keupayaan tiga projek Pengeluar Tenaga Persendirian. Penggunaan air pula dijangka mencatatkan peningkatan sebanyak 12.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai, 1995: 14.9%) berbanding 4.9% peningkatan dalam keupayaan pengeluaran air sebanyak 9,904 juta liter sehari (mld) pada tahun 1996. Untuk tinjauan penunjuk prestasi bagi sektor kecil perkhidmatan yang utama, sila rujuk pada Jadual 4.13.